

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan melaporkan dapatan kajian yang telah diperoleh hasil tinjauan melalui kaedah penyelidikan yang telah dibentangkan pada Bab III. Pembentangan laporan dapatan kajian ini dilakukan berdasarkan urutan objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan. Berikut dibentangkan dahulu profil responden kajian:

4.2 Profil Responden Kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah guru BAT Tingkatan Empat dan murid tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di Semenanjung Malaysia. Jumlah keseluruhan responden guru adalah sebanyak 83 orang, manakala jumlah responden murid pula adalah sebanyak 397 orang. Kajian ini juga melibatkan analisis dokumen, iaitu buku teks BAT Tingkatan Empat dengan melakukan analisis linguistik ke atas 15 teks bacaan dalam buku teks tersebut. Berikut adalah jadual profil responden guru:

Jadual 4.1
Profil Responden Guru

Latar belakang	Kumpulan	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	46	55.4
	Perempuan	37	44.6
Pengalaman mengajar BAT tingkatan 4	1-3 tahun	17	20.5
	4-6 tahun	17	20.5
	Lebih 6 tahun	49	59

Jadual 4.1 di atas menunjukkan dari segi jantina responden guru, bilangan antara guru lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan kurang ketara dengan perbezaan sebanyak sembilan (9) responden. Jumlah responden guru lelaki lebih ramai, iaitu sebanyak 46 orang mewakili 55.4% dari jumlah keseluruhan responden, manakala bilangan guru perempuan yang terlibat sebagai responden kajian adalah sebanyak 37 orang mewakili 44.6% daripada 83 orang responden.

Manakala dari aspek pengalaman mengajar subjek BAT Tingkatan Empat, ia dikategorikan kepada tiga kelompok. Kelompok yang mengajar antara satu (1) hingga tiga (3) tahun sebanyak 17 orang, iaitu 20.5%, empat (4) hingga enam (6) tahun juga sebanyak 17 orang, iaitu 20.5% dan responden yang mengajar subjek BAT Tingkatan Empat lebih dari enam (6) tahun sebanyak 49 orang mewakili 59% dari jumlah keseluruhan responden. Hal ini menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pengalaman mengajar subjek BAT Tingkatan Empat lebih dari enam tahun mewakili lebih separuh dari keseluruhan responden.

Bagi responden murid pula, berikut adalah jadual profil berdasarkan latar belakang jantina dan pencapaian BAK dalam PMR 2006.

Jadual 4.2
Profil responden murid

Latar belakang	Zon	Lelaki		Perempuan	
		Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Jantina	Utara	28	7.05	64	16.12
	Tengah	49	13.35	44	11.08
	Selatan	55	13.85	35	8.82
	Timur	50	12.59	72	18.13
Jumlah		182	45.84	215	54.16
		Cemerlang (gred A)		Sederhana (gred B)	
		Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Pencapaian BAK dalam PMR	Utara	51	12.85	18	4.53
	Tengah	40	10.08	30	7.57
	Selatan	27	6.80	29	7.30
	Timur	55	13.85	27	6.80
Jumlah		173	43.58	104	26.20
		Lemah (gred C-E)			
		Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
		23	5.79	34	8.56
		40	10.08	120	30.22

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan bagi setiap latar belakang responden berdasarkan zon. Dari aspek jantina jumlah responden lelaki keseluruhannya adalah sebanyak 182 orang, iaitu mewakili 45.84%, manakala responden murid perempuan pula adalah sebanyak 215 orang iaitu 54.16%. Oleh itu jumlah responden berdasarkan jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan perbezaan sebanyak 33 orang iaitu 8.32%. Manakala taburan jantina responden mengikut zon juga menunjukkan tidak ada perbezaan jumlah yang ketara melainkan bilangan lelaki pada zon utara, iaitu 28 orang mewakili 7.05% dan bilangan perempuan bagi zon selatan, iaitu 35 orang mewakili 8.82% yang merupakan jumlah terendah bagi kedua-dua jantina. Manakala responden perempuan bagi zon utara adalah jumlah terbanyak berbanding jumlah lelaki dan perempuan pada zon lain, iaitu sebanyak 64 orang iaitu 16.12% dari keseluruhan taburan jantina responden mengikut zon.

Dalam aspek pencapaian responden dalam subjek BAK pada peperiksaan PMR 2006, jadual di atas menunjukkan jumlah responden yang memperoleh tahap cemerlang (gred A) hampir separuh daripada keseluruhan responden, iaitu sebanyak 173 orang mewakili 43.58%. Kelompok yang memperoleh tahap sederhana (gred B) adalah 104 orang iaitu 26.20% yang merupakan jumlah terendah, manakala bagi tahap lemah (gred C-E) sebanyak 120 orang, iaitu 30.22%. Berdasarkan zon, jadual menunjukkan responden tahap cemerlang di zon timur adalah yang terbanyak, iaitu 55 orang (13.85%) dan responden tahap sederhana zon utara adalah jumlah terendah, iaitu 18 orang (4.53%) berbanding zon dan kelompok pencapaian lain.

4.3 Kebolehbacaan Buku Teks Peringkat Menengah Atas (Tingkatan Empat)

Dapatan kajian bahagian ini membentangkan keputusan analisis terhadap data daripada dua instrumen yang merupakan aspek penting yang menjadi antara objektif kajian. Dapatan yang dilaporkan berdasarkan analisis deskriptif, iaitu dengan melihat kekerapan, peratusan serta min dan sisihan piawai bagi setiap pemboleh ubah. Selain itu dapatan statistik inferensi melalui korelasi juga akan dihuraikan bagi melihat pertalian antara pemboleh ubah. Berikut adalah dapatan bagi setiap kriteria tersebut:

4.3.1 Linguistik dalam Teks-Teks Bacaan

Aspek linguistik yang dianalisis berdasarkan tiga kategori yang setiap satu daripadanya telah dijelaskan ciri dan ukurannya dalam bab III. Berikut adalah dapatan analisis tersebut mengikut kategori:

4.3.1.1 Kategori Perkataan

Berikut dibentang jadual dapatan analisis linguistik bagi kategori perkataan:

Jadual 4.3

Kekerapan dan Peratusan Ciri Linguistik Mengikut Kategori Perkataan

N (Teks)	Perkataan							
	KPPK*		Makna Kata		Binaan Kata		Bentuk Kata	
	f	%	f	%	f	%	f	%
1	73/	27	50/	18	39/	14	17/	6
	272		272		272		272	
2	90/	40	21/	9	37/	16	26/	12
	225		225		225		225	
3	99/	27	38/	10	33/	9	12/	3
	364		364		364		364	
4	56/	27	14/	7	19/	9	21/	10
	209		209		209		209	
5	27/	13	37/	18	44/	22	22/	11
	203		203		203		203	
6	56/	25	32/	14	44/	20	20/	9
	222		222		222		222	
7	54/	18	31/	10	53/	18	25/	8
	300		300		300		300	
8	94/	25	20/	5	120/	32	6/	2
	376		376		376		376	
9	82/	28	48/	16	72/	25	5/	2
	293		293		293		293	
10	28/	19	12/	8	32/	22	7/	5
	148		148		148		148	
11	63/	18	25/	7	53/	15	13/	4
	360		360		360		360	
12	61/	21	23/	8	59/	20	20/	7
	291		291		291		291	
13	99/	27	61/	17	46/	13	18/	5
	366		366		366		366	
14	77/	31	41/	17	50/	20	13/	5
	248		248		248		248	
15	67/	28	36/	15	74/	31	38/	16
	240		240		240		240	
Purata		24.93		11.93		19.07		7

*Petunjuk istilah:

KPPK: Kebiasaan penggunaan dan pengecaman kata (perkataan bukan daripada senarai kata KPM dan bukan kata pinjaman).


Makna Kata: Makna abstrak atau balaghah.

Binaan Kata: Kata terbitan (berderivasi dan berimbuhuan).

Bentuk Kata: Kata Klausu.

Jadual 4.3 menunjukkan pola kekerapan (f) dan peratusan (%) ciri-ciri linguistik mengikut kategori perkataan yang terdapat pada 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Dari aspek kebiasaan penggunaan dan pengecaman perkataan (KPPK), ukuran yang dikira adalah bilangan perkataan yang tidak terdapat dalam senarai perbendaharaan kata peringkat menengah rendah serta bukan kata pinjam bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Jadual di atas menunjukkan jumlah perkataan ciri ini yang terkandung dalam teks-teks bacaan adalah antara 13% hingga 40% dari jumlah keseluruhan perkataan dalam teks. Teks 2 mengandungi jumlah terbanyak, iaitu 40%, seterusnya teks 14 dengan 31%, teks 9 dan 15 dengan 28%, teks 1, 3, 4 dan 13 mengandungi 27%, teks 6 dan 8 dengan 25%, teks 12 dengan 21%, teks 10 dengan 19%, teks 7 dan 11 dengan 18% dan teks 5 dengan jumlah terendah iaitu 13%. Berdasarkan taburan ini hanya teks 2 dan 14 mengandungi perkataan ciri ini yang terbanyak, manakala yang lain agak rendah. Hal ini bermakna kebanyakan teks mengandungi perkataan yang telah dipelajari atau diketahui sama ada pada peringkat menengah rendah atau ia sedia terpakai dalam bahasa Melayu.

Jadual juga menunjukkan bahawa purata keseluruhan kekerapan KPPK per teks adalah 25 daripada 100. Hal ini bermakna 75% dari jumlah perkataan dalam teks yang dipelajari dalam buku teks BAT Tingkatan Empat merupakan perkataan telah dipelajari dan diketahui. Dengan jarak peratusan minimum dan maksimum antara 13% hingga 40%, bacaan min adalah 24.9 dan sisihan piawai=6.48. Bagi menjelaskan taburan kekerapan KPPK dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan tersebut.




Rajah 4.1. Histogram taburan peratusan KPPK dalam 15 teks bacaan

Manakala bagi ciri makna perkataan yang membawa maksud yang abstrak, kebanyakannya mengandungi perkataan ciri ini tidak melebihi 18%, iaitu antara 9% hingga 18% dari keseluruhan makna perkataan dalam teks. Terdapat antara 14% hingga 18% perkataan ciri ini dalam teks-teks 1, 5, 6, 9, 13, 14 dan 15, manakala teks-teks selebihnya, iaitu teks 2, 3, 4, 7, 8, 10, 11 dan 12 mengandungi antara 5% hingga 10%. Taburan jumlah tersebut menunjukkan perkataan yang membawa maksud abstrak adalah kecil serta berada ditahap rendah berbanding perkataan yang membawa makna yang nyata dalam teks-teks bacaan yang dikaji.

Purata keseluruhan aspek perkataan membawa makna abstrak daripada 15 teks adalah 12 daripada 100 perkataan dalam teks. Oleh itu sebanyak 88% perkataan yang terdapat dalam teks merupakan teks yang membawa maksud nyata dan jelas untuk dibaca dan difahami oleh murid. Dengan jarak peratusan minimum dan maksimum antara 5% hingga 18%, bacaan min adalah 11.9 dan sisihan piawai=4.62. Bagi

menjelaskan taburan kekerapan makna kata dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan tersebut.




Rajah 4.2. Histogram taburan peratusan makna kata dalam 15 teks bacaan

Bagi perkataan yang mempunyai ciri binaan kata terbitan, iaitu merangkumi kata berderivasi dan kata berimbuhan, jadual menunjukkan bilangan perkataan ciri ini berada antara 9% hingga 32% daripada jumlah keseluruhan perkataan dalam teks. Terdapat dua teks mengandungi jumlah peratusan yang tertinggi dari jumlah keseluruhan perkataan dalam teks berbanding teks-teks lain, iaitu teks 8 dan 15 iaitu sebanyak 32% dan 31%, teks-teks 5, 6, 9, 10, 12, dan 14 mengandungi antara 20% hingga 25%, teks-teks 1, 2, 7, 11 dan 13 pula mangandungi antara 13% hingga 18%, manakala dua teks mengandungi hanya 9%, iaitu teks 3 dan 4. Dapatan ini menunjukkan peratusan taburan kata terbitan berdasarkan teks agak tidak sekata, namun jumlahnya masih rendah berbanding kata dasar atau kata tunggal dalam teks-teks yang dikaji.

Hanya dua teks mempunyai peratusan perkataan jenis ini yang agak tinggi, iaitu teks 8 dan 15 dengan kadar 31% dan 32%.

Bagi perkataan ciri ini jadual menunjukkan purata kekerapan adalah 19 daripada 100 perkataan dalam teks. Hal ini bermakna 81% perkataan dalam teks yang ditinjau mengandungi perkataan kata dasar atau kata tunggal. Dengan jarak peratusan minima dan maksima antara 9% hingga 32%, bacaan min adalah 19.1 dan sisihan piawai 6.85. Bagi menjelaskan taburan kekerapan binaan kata dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan tersebut.




Rajah 4.3. Histogram taburan peratusan binaan kata dalam 15 teks bacaan

Aspek linguistik bagi ciri bentuk perkataan yang berupa kata klausa adalah kelompok perkataan yang memperoleh peratusan terendah berbanding ciri-ciri yang sebelumnya. Taburan jumlah kata klausa bagi teks-teks yang dikaji adalah antara 2% hingga 16% sahaja. Teks-teks 2, 4, 5, dan 15 mengandungi antara 10% hingga 16% dengan teks 15 memperoleh peratusan tertinggi, iaitu 16%. Manakala teks-teks lain, iaitu

teks 1, 3, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13 dan 14 mengandungi antara 2% hingga 9% sahaja. Peratusan kata klausa yang terdapat dalam teks-teks ini adalah rendah berbanding kata bukan klausa.

Oleh itu aspek bentuk perkataan didapati purata keseluruhan kata klausa dalam teks adalah tujuh (7) perkataan daripada 100. Ini menunjukkan 93 peratus perkataan dalam teks-teks yang ditinjau terdiri daripada perkataan bukan klausa iaitu mudah dikenal pasti oleh murid. Dengan jarak peratusan minimum dan maksimum antara 2% hingga 16%, bacaan min adalah 7.00 dengan sisihan piawai=4.00. Bagi menjelaskan taburan kekerapan bentuk kata dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan tersebut.



Rajah 4.4. Histogram taburan peratusan bentuk kata dalam 15 teks bacaan

Dalam sudut yang lain pula, sesuatu yang boleh memberi nilai yang bererti kepada analisis kajian ini adalah berkaitan nilai sisihan piawai. Ia bertujuan untuk melihat tahap keseragaman sebaran peratusan atau kekerapan penggunaan ciri-ciri

linguistik antara 15 teks yang dianalisis. Dapatan kategori perkataan di atas menunjukkan nilai sisihan piawai antara pemboleh ubah linguistik kategori perkataan mempunyai perbezaan sebaran kekerapan penggunaannya antara teks-teks bacaan. Keadaan ini dapat dijelaskan dengan melihat taburan lengkungan normal, iaitu $\text{min} \pm 1$ nilai sisihan piawai pemboleh-pemboleh ubah. Kajian mendapati nilai sisihan piawai bentuk kata adalah 4.00, $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $7+4=11$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $7-4=3$. Nilai sisihan piawai ini adalah yang terkecil antara ciri-ciri linguistik lain dalam kategori perkataan. Hal ini menunjukkan peratusan penggunaan bentuk kata klausa adalah lebih seragam dalam 15 teks bacaan. Manakala nilai sisihan piawai makna kata adalah 4.62, $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $12+5=17$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $12-5=7$, justeru nilai sisihan piawainya lebih besar dari bentuk kata. Oleh itu peratusan penggunaan makna kata adalah kurang seragam berbanding bentuk kata dalam 15 teks bacaan. Bagi KPPK pula keseragaman penggunaannya dalam 15 teks bacaan lebih kurang seragam berbanding bentuk kata dan makna kata dengan nilai sisihan piawainya adalah 6.48, $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $25+6=31$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $25-6=19$. Seterusnya binaan kata berderivasi dan berimbuhan merupakan ciri linguistik kategori perkataan paling kurang seragam, iaitu jarak antara teks paling kerap menggunakannya dengan yang paling tidak kerap adalah paling luas berbanding tiga ciri linguistik terdahulu. Nilai sisihan piawainya adalah paling besar, iaitu 6.85, $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $19+7=26$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $19-7=12$.

4.3.1.2 Kategori Ayat

Bagi ciri linguistik yang dianalisis dalam kategori ayat yang terdapat dalam teks-teks yang dikaji boleh dirumuskan sebagaimana jadual 1.13 berikut:

Jadual 4.4

Kekerapan dan Peratusan Ciri Linguistik Mengikut Kategori Ayat

N (Teks)	Ayat					<i>f/jamj</i>	/ 1 ayat	<i>f/jamd</i>	%
	Kebiasaan	Bentuk	Struktur (AK)		Makna (AB)				
1	12	15	1	4	89/ 15	6	11/ 89	12	
2	6	8	1	2	62/ 8	8	6/ 62	10	
3	14	14	4	1	85/ 14	6	8/ 85	9	
4	6	13	3	3	62/ 20	3	6/ 62	10	
5	6	6	1	6	56/ 7	8	14/ 56	25	
6	9	8	2	1	63/ 14	5	23/ 63	37	
7	16	12	3	8	94/ 18	5	13/ 94	14	
8	7	12	2	0	81/ 14	6	15/ 81	19	
9	8	8	1	3	64/ 9	7	26/ 64	41	
10	6	3	1	0	29/ 4	7	7/ 29	24	
11	16	3	11	5	126/ 15	8	21/ 126	17	
12	11	10	9	1	84/ 14	6	12/ 84	14	
13	11	17	5	1	119/ 16	7	14/ 119	12	
14	8	14	5	6	80/ 8	10	13/ 80	16	
15	14	6	4	2	62/ 9	7	12/ 62	19	
Purata		10	9.93	3.53	2.87	6.60		18.60	

*Petunjuk istilah:

AKK: Ayat kata kerja

AKN: Ayat kata nama .

APKK: Ayat panjang kata kerja.

APKN: Ayat panjang kata nama

AK: Ayat kompleks iaitu ayat majmuk yang terdiri lebih daripada satu struktur sintaksis atau ayat mudah.

AB: Ayat balaghah iaitu ayat simile, kiasan dan *majaz*.

jamj: jumlah ayat majmuk.


jamd: jumlah ayat mudah.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan taburan ciri-ciri linguistik yang dianalisis bagi kategori ayat mengikut kekerapan dan peratusan dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat yang dikaji. Dalam ciri ayat yang biasa diketahui oleh murid, iaitu ayat yang dimulakan dengan kata nama (AKN) adalah satu ciri yang sama wujud dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Manakala ayat yang dimulakan dengan kata kerja (AKK) hanya terdapat dalam bahasa Arab.


Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan kekerapan AKK dalam 15 teks bacaan adalah antara 6 hingga 16 ayat, manakala bagi AKN kekerapannya antara 3 hingga 17 ayat dalam satu teks. Teks-teks yang mempunyai perbezaan kekerapan penggunaan yang ketara antara AKK dengan AKN dalam satu teks adalah teks 4, iaitu AKK (6) dan AKN (13); teks 8, iaitu AKK (7) dan AKN (12); teks 11, iaitu AKK (16) dan AKN (3); teks 13, iaitu AKK (11) dan AKN (17); teks 14, iaitu AKK (8) dan AKN (14); dan teks 15, iaitu AKK (14) dan AKN (6). Teks-teks lain mempunyai kekerapan penggunaan dua bentuk ayat yang hampir sama. Selain itu teks yang mempunyai AKK melebihi AKN adalah pada empat teks sahaja, iaitu teks 7, iaitu AKK (16) dan AKN (12); teks 10, iaitu AKK (6) dan AKN (3); teks 11, iaitu AKK (16) dan AKN (3); dan teks 15, iaitu AKK (14) dan AKN (6). Selain itu satu teks mengandungi kekerapan yang sama, iaitu teks 3, iaitu AKK (14) dan AKN (14); manakala yang selebihnya, iaitu 10 teks mengandungi AKN melebihi AKK. Hal ini bermakna berdasarkan kekerapan penggunaan bentuk ayat hanya empat teks, iaitu teks 7, 10, 11 dan 15 dijangka akan memberi sedikit kesukaran

kerana kandungan bentuk ayat yang tidak ada dalam bahasa ibunda murid adalah lebih banyak.

Secara purata jadual menunjukkan purata kekerapan penggunaan AKK per teks adalah 10 ayat. Dengan jarak purata kekerapan minimum dan maksimum antara enam (6) hingga 16 ayat per teks, bacaan min adalah 10.0 dengan sisihan piawai=3.70. Bagi purata kekerapan penggunaan AKN pula adalah 10 ayat per teks, ia sama dengan kekerapan penggunaan AKK. Dengan jarak purata kekerapan minimum dan maksimum antara 3 hingga 17, bacaan min adalah 9.93 dengan sisihan piawai=4.35. Oleh itu, kekerapan penggunaan dua jenis ayat ini dalam teks-teks yang dianalisis adalah seimbang. Hal ini bererti ayat yang kurang biasa oleh murid, iaitu AKK mempunyai kekerapan penggunaan yang sama dengan AKN yang biasa diketahui murid dalam teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Bagi menjelaskan taburan kekerapan AKK dan AKN dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan dua ciri linguistik tersebut.



Rajah 4.5. Histogram taburan kekerapan AKK dalam 15 teks bacaan




Rajah 4.6. Histogram taburan kekerapan AKN dalam 15 teks bacaan


Bagi ciri ayat panjang (APKK atau APKN), iaitu ayat yang dibina lebih daripada satu AKK atau AKN dalam satu ayat didapati terdapat tujuh teks mempunyai perbezaan penggunaan APKK dan APKN yang agak ketara, iaitu teks 1 dengan APKK(1)

dan APKN (4), teks 3 dengan APKK (4) dan APKN (1), teks 5 dengan APKK (1) dan APKN (6), teks 7 dengan APKK (3) dan APKN (8), teks 11 dengan APKK (11) dan APKN (5), teks 12 dengan APKK (9) dan APKN (1), dan teks 13 dengan APKK (5) dan APKN (1). Teks selebihnya mempunyai kekerapan penggunaan yang agak seimbang. Jadual menunjukkan teks yang mempunyai ayat panjang APKK melebihi APKN adalah sebanyak lapan teks, iaitu teks 3, 6, 8, 11, 12, 13 dan 15, namun hanya empat yang mempunyai perbezaan kekerapan yang agak ketara, iaitu teks 3, 11, 12 dan 13. Lapan teks ini khususnya empat terakhir dijangka memberi sedikit kesukaran berbanding teks lain berdasarkan jumlah ayat panjang AKK berbanding AKN.

Selain itu jadual menunjukkan purata kekerapan penggunaan ayat panjang daripada kedua-dua jenis ayat ini hampir seimbang, APKK memperoleh purata empat (4) ayat per teks. Dengan jarak purata kekerapan minimum dan maksimum antara satu (1) hingga 11, bacaan min adalah 3.53 dan sisihan piawai=3.02. Manakala purata APKN pula adalah tiga (3) ayat per teks. Dengan jarak purata kekerapan minimum dan maksimum antara kosong (0) hingga lapan (8), bacaan min adalah 2.9 dan sisihan piawai=2.45. Nilai ini menunjukkan purata kekerapan penggunaan APKK (4) dan APKN (3) dalam teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat tidak terlalu kerap. Bagi menjelaskan taburan kekerapan APKK dan APKN dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan dua ciri linguistik tersebut.



Rajah 4.7. Histogram taburan kekerapan APKK dalam 15 teks bacaan




Rajah 4.8. Histogram taburan kekerapan APKN dalam 15 teks bacaan

Dapatan analisis berikut pula adalah kekerapan ciri struktur ayat dalam setiap teks berdasarkan struktur ayat mudah per ayat majmuk yang membentuk ayat

kompleks (AK). Analisis AK dilihat berdasarkan purata struktur sintaksis mudah per ayat majmuk dari jumlah keseluruhan ayat majmuk dalam teks. Hasil analisis menunjukkan jarak kekerapan ayat mudah per ayat majmuk bagi setiap teks adalah antara tiga (3) hingga 10. Daripada taburan kekerapan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu teks yang mempunyai kekerapan yang rendah, iaitu antara satu (1) hingga empat (4) ayat mudah per ayat majmuk adalah teks 4 sahaja, dan teks yang mempunyai kekerapan yang sederhana, iaitu antara lima hingga tujuh ayat mudah per ayat majmuk adalah teks 1, 3, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13 dan 15, dan teks yang mempunyai kekerapan yang tinggi, iaitu antara lapan (8) hingga 10 ayat mudah per ayat majmuk adalah teks 2, 5, 11 dan 14. Hal ini bermakna kebanyakan teks bacaan mempunyai kekerapan struktur sintaksis atau ayat mudah per ayat majmuk yang agak banyak dan padat.


Struktur sintaksis yang terdapat dalam teks-teks bacaan menunjukkan purata kekerapan penggunaan ayat mudah per ayat yang membentuk AK dalam teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah tujuh (7) ayat mudah per ayat. Dengan jarak purata kekerapan minima dan maksima antara tiga (3) hingga 10, bacaan adalah 6.60 dengan sisihan pawai=1.64. Dapatan ini menunjukkan kepadatan unsur struktur sintaksis dalam satu ayat adalah agak tinggi. Ia boleh memberi kesukaran kepada murid sekiranya mereka tidak mahir dengan sistem sintaksis bahasa teks yang dipelajari. Bagi menjelaskan taburan kekerapan ayat atau sintaksis mudah per ayat yang membentuk AK dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan bagi ciri linguistik tersebut.



Rajah 4.9. Kekerapan taburan sintaksis mudah per ayat (AK) dalam 15 teks bacaan

Dari aspek makna ayat, teks dianalisis untuk melihat unsur-unsur balaghah (retorika) pada ayat yang digunakan sama ada berbentuk ayat simile, kiasan atau *majaz*. Hasil analisis ditunjukkan dalam jadual di atas. Ayat balaghah (AB) ditinjau dari aspek peratusan kekerapannya daripada jumlah keseluruhan ayat mudah dalam setiap teks yang dikaji. Sebagaimana jadual di atas, hasil tinjauan tersebut mendapati peratusan AB dalam teks bacaan berada antara 9% hingga 41%. Dua teks mempunyai peratusan AB yang agak tinggi, iaitu teks 9 dengan 41% dan teks 6 dengan 37%. Dua teks pula masing-masing memperoleh 25% bagi teks 5 dan 24% bagi teks 10. Manakala sepuluh teks, iaitu teks 1, 2, 4, 7, 8, 11, 12, 13, 14 dan 15 mengandungi antara 10% hingga 19% daripada jumlah ayat mudah. Hanya satu teks yang mengandungi 9%, iaitu teks 3. Ini menunjukkan terdapat empat teks yang mempunyai kekerapan penggunaan AB yang agak tinggi khususnya teks 9 dan 6, ia dijangka memberi sedikit kesukaran pada murid yang kurang tahu atau biasa dengan unsur-unsur balaghah bahasa Arab.

Manakala purata aspek makna struktur ayat yang mempunyai unsur balaghah (AB), daripada jumlah keseluruhan ayat mudah dalam teks, jadual 4.4 menunjukkan 19% daripada ayat mudah yang terdapat dalam teks adalah berunsur balaghah. Dengan jarak purata peratusan minimum dan maksimum antara sembilan (9) hingga 41, bacaan min adalah 18.6 dengan sisihan piawai=9.60. Hal ini bermakna ia boleh memberi sedikit kesukaran kepada murid sekiranya murid kurang mahir dengan ayat-ayat berunsur balaghah khususnya jika ayat jenis ini berperanan sebagai ayat kunci dalam memahami isi penting dalam teks. Bagi menjelaskan taburan peratusan ayat balaghah per jumlah ayat mudah (AB) dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan bagi ciri linguistik tersebut.



Rajah 4.10. Histogram taburan peratusan ayat balaghah per jumlah ayat mudah dalam 15 teks bacaan

Dari sudut nilai sisihan piawai pula dapatan bagi kategori ayat di atas menunjukkan nilai sisihan piawai antara boleh ubah linguistik kategori ayat mempunyai perbezaan sebaran kekerapan penggunaannya antara teks-teks bacaan.

Dengan melihat taburan lengkongan normal, iaitu $\text{min} \pm 1$ nilai sisihan piawai pemboleh-pemboleh ubah, kajian mendapati nilai sisihan piawai AK adalah 1.64 , $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $7+2=9$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $7-2=5$. Nilai sisihan piawai ini adalah yang terkecil antara ciri linguistik lain dalam kategori ayat.

Hal ini menunjukkan kekerapan penggunaan AK dalam 15 teks bacaan adalah paling seragam. Manakala nilai sisihan piawai APKN adalah 2.45 , $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $3+2=5$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $3-2=1$, justeru nilai sisihan piawainya adalah lebih besar sedikit berbanding AK. Oleh itu keseragaman sebaran penggunaan APKN dalam 15 teks bacaan adalah kurang berbanding AK. Bagi APKK pula keseragaman penggunaannya dalam 15 teks bacaan adalah kurang berbanding AK dan APKN, nilai sisihan piawainya adalah 3.02 , $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai, ialah $4+3=7$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $4-3=1$. Ciri AKK pula merupakan ciri linguistik kategori ayat yang lebih kurang seragam berbanding AK, APKN dan APKK, jarak antara teks paling kerap menggunakannya dengan yang paling tidak kerap adalah lebih luas. Nilai sisihan piawainya adalah lebih besar iaitu 3.70 , $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $10+4=14$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $10-4=6$.

Seterusnya dalam kategori ayat ciri AKN pula mempunyai keseragaman kekerapan penggunaan yang kurang berbanding AKK, jarak antara teks paling kerap menggunakannya dengan yang paling tidak kerap adalah lebih luas berbanding ciri-ciri di atas dalam kategori ayat. Nilai sisihan piawainya adalah 4.35 , $\text{min} + 1$ nilai sisihan piawai ialah $10+4=14$ dan $\text{min} - 1$ nilai sisihan piawai ialah $10-4=6$. Ciri terakhir dalam kategori ayat yang mempunyai jarak paling luas antara penggunaan paling kerap dalam teks dengan yang paling sedikit adalah AB. Nilai sisihan piawainya adalah terbesar iaitu

9.00, min + 1 nilai sisihan piawai ialah $28+9=37$ dan min - 1 nilai sisihan piawai ialah $28-9=19$.

4.3.1.3 Kategori Isi

Berikut dibentang jadual dapatan analisis linguistik bagi kategori isi:

Jadual 4.5

Kekerapan dan Peratusan Ciri Linguistik Mengikut Kategori Isi

N	Isi														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
f/jat*	54/ 11	70/ 8	60/ 13	86/ 21	63/ 7	86/ 14	106/ 18	149/ 23	50/ 9	43/ 6	131/ 15	84/ 14	73/ 16	87/ 8	81/ 9
/ayat	4	9	5	4	9	6	6	6	6	7	9	6	5	11	9


*Petunjuk istilah:

jat: jumlah ayat dalam teks

Tinjauan terhadap kekerapan isi dalam teks dilakukan dengan melihat jumlah isi melalui bilangan kata tugas dalam ayat seterusnya, ia dikira berdasarkan kekerapannya per ayat daripada jumlah ayat dalam teks. Daripada jadual 4.5 di atas jumlah isi per ayat dalam teks berada antara empat (4) hingga 11. Jadual juga menunjukkan terdapat lima (5) teks yang mempunyai kekerapan isi per ayat yang agak tinggi, iaitu teks 2, 5, 11 dan 15 dengan sembilan (9) isi per ayat, dan teks 14 dengan sebelas (11) isi per ayat. Manakala teks 3, 7, 8, 9, 10, 12 dan 13 mengandungi kekerapan isi per ayat antara lima (5) hingga tujuh (7), dan dua teks, iaitu teks 1 dan 4 mengandungi empat (4) isi per ayat. Hal ini menunjukkan lebih separuh daripada teks-teks bacaan yang dianalisis mengandungi kekerapan isi per ayat yang agak tinggi.

Berdasarkan purata, jadual di atas menunjukkan purata kekerapan isi per ayat dalam teks adalah tujuh (7) isi. Dengan jarak purata kekerapan minimum dan

maksimum antara empat (4) hingga 11, bacaan min adalah 6.67 dengan sisihan piawai=1.88. Jumlah ini mungkin ada kaitan dengan jumlah ayat mudah dalam ayat majmuk kerana jumlahnya juga sama. Justeru sekiranya ada pertalian, kesukaran murid untuk mengenal pasti isi dalam ayat tertakluk kepada kemahiran murid terhadap sistem sintaksis bahasa yang dipelajari. Bagi menjelaskan taburan peratusan isi per ayat dalam 15 teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, berikut adalah rajah histogram taburan bagi ciri linguistik tersebut.



Rajah 4.11. Histogram taburan kekerapan isi per ayat dalam 15 teks bacaan

Dari sudut nilai sisihan piawai pula dapatkan menunjukkan nilai sisihan piawainya adalah 1.88, $\min + 1$ nilai sisihan piawai ialah $7+2=9$ dan $\min - 1$ nilai sisihan piawai ialah $7-2=5$. Nilai sisihan piawai ini adalah kecil namun lebih besar sedikit berbanding AK (1.63) justeru, jarak antara teks yang mengandungi kekerapan isi yang tinggi dalam ayat dengan yang paling rendah adalah kecil.

Daripada dapatan berkaitan nilai sisihan piawai pada semua ciri linguistik yang dianalisis di atas boleh dirumuskan urutan taburan atau sebaran penggunaan ciri-ciri linguistik dari yang paling seragam hingga paling kurang seragam berdasarkan nilai sisihan piawai (s.p.), iaitu jarak antara yang paling kecil dan paling besar kekerapan penggunaannya dalam 15 teks yang dikaji adalah seperti berikut; AK (s.p.=1.64), isi (s.p.=1.88), APKN (s.p.=2.45), APKK (s.p.=3.02), AKK (s.p.=3.70), bentuk kata (s.p.=4.00), AKN (s.p.=4.35), makna kata (s.p.=4.62), KPPK (s.p.=6.49), binaan kata (s.p.=6.85) dan AB (s.p.=9.60).

4.3.1.4 Matriks Korelasi antara Pemboleh Ubah Linguistik

Bagi meninjau kekuatan hubungan antara pemboleh ubah linguistik dalam teks-teks bacaan dalam BAT Tingkatan Empat, analisis korelasi Pearson dilakukan. Tahap kekuatan hubungan yang digunakan berdasarkan klasifikasi Healy et al. (1997), nilai korelasi 0.00 hingga 0.09 dianggap lemah, 0.10 hingga 0.29 dianggap sederhana dan 0.30 ke atas dianggap tinggi, nilai korelasi di bawah 0.30 boleh diabaikan. Berikut adalah jadual matriks korelasi antara pemboleh ubah linguistik:

Jadual 4.6

Matriks Korelasi antara Semua Pemboleh Ubah Linguistik

Pemboleh pemboleh Ubah	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
KPPK (%)	.074	-.112	.124	-.226	.352	-.228	-.293	.132	-.214	-.014
Makna Kata(%)	.043	.166	.000	.231	-.284	.315	.374	.289	.080	
Binaan Kata(%)		.109	-.177	-.407	-.195	-.149	.257	.524	.418	
Bentuk Kata(%)				-.043	-.259	-.154	.139	-.087	-.119	.371
AKK (f)					.084	.562	.292	-.071	-.273	-.051
AKN (f)						-.073	.026	-.244	-.480	-.633
APKK (f)							.088	.162	-.307	.185
APKN (f)								.217	-.079	.285
AK (/jamj)									.071	.766
AB (/jamd)										.135
Isi (/jat)										

Berdasarkan jadual 4.6 di atas, terdapat beberapa kes menunjukkan hubungan yang kuat antara pemboleh ubah dengan nilai korelasi (r) yang tinggi, iaitu melebihi 0.30. Dari jadual di atas boleh dirumuskan beberapa kes yang berkorelasi tinggi dengan tahap dan arah hubungan yang pelbagai serta peratusan varians yang dikongsi bersama antara dua pemboleh ubah yang berkorelasi tinggi sebagaimana jadual 4.7 berikut:

Jadual 4.7

Kes-Kes Berkorelasi Tinggi (Kuat) serta Arah Hubungan dan Jumlah Varians Dikongsi Bersama

Kes berkorelasi tinggi	Nilai pekali korelasi	Arah hubungan	Jumlah varians yang dikongsi bersama
Makna kata dan APKN	0.315	Positif	9.92 %
KPPK dan AKN	0.352	Positif	12.23 %
Bentuk kata dan isi	0.371	Positif	13.76 %
Makna kata dan AK	0.374	Positif	13.98 %
Binaan kata dan isi	0.418	Positif	17.47 %
APKN dan AB	-0.307	Negatif	9.42 %
Binaan kata dan AKN	-0.407	Negatif	16.56 %
AKN dan AB	-0.480	Negatif	23.04 %
binaan kata dan AB	0.524	Positif	27.45 %
AKK dan APKK	0.562	Positif	31.58 %
AKN dan isi	-0.633	Negatif	40.07 %
AK dan isi	0.766	Positif	58.76 %

Daripada jadual 4.7 di atas, kes-kes mempunyai hubungan kuat positif dengan nilai pekali korelasi tinggi yang terendah adalah antara makna kata dan APKN ($r=.315$), KPPK dan AKN ($r=.352$), bentuk kata dan isi ($r=.371$), makna kata dan AK ($r=.374$), dan binaan kata dan isi ($r=.418$). Hal ini bermakna teks yang mengandungi makna kata abstrak yang tinggi juga mengandungi APKN yang lebih kerap. Selain itu teks yang mempunyai peratusan penggunaan KPPK yang tinggi juga mempunyai penggunaan AKN yang lebih kerap, begitu juga bentuk kata yang tinggi penggunaannya dalam teks mempunyai isi yang lebih kerap dalam ayat, penggunaan makna kata yang abstrak mempunyai kaitan dengan kekerapan AK, dan teks yang mempunyai binaan kata yang banyak pula mempunyai isi yang banyak dalam ayat.

Manakala kes-kes mempunyai hubungan kuat yang negatif dengan nilai pekali korelasi tinggi yang terendah adalah APKN dan AB ($r=-.307$), binaan kata dan AKN ($r=-.407$) dan AKN dan AB ($r=-.480$). Hal ini bermakna hubungan yang songsang juga berlaku, iaitu penggunaan APKN yang banyak dalam teks mempunyai kekerapan AB yang rendah, begitu juga teks yang mempunyai banyak binaan kata mengandungi kekerapan AKN yang rendah, seterusnya jumlah AKN yang banyak dalam teks pula mengandungi AB yang sedikit. Sementara itu jadual 4.7 juga menunjukkan dapatan jumlah varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang berkorelasi kuat dengan nilai pekali korelasi tinggi yang terendah adalah antara 9% hingga 23%.

Selain itu terdapat tiga kes menunjukkan hubungan yang kuat dengan nilai pekali korelasi tinggi yang sederhana, dua daripadanya mempunyai arah hubungan yang positif dan satu adalah songsang. Dua kes yang mempunyai nilai pekali korelasi yang tinggi positif, iaitu hubungan yang kuat positif adalah AKK dan APKK ($r=.562$) dan binaan kata dan AB ($r=.524$). Ini bermakna teks yang mengandungi AKK yang

kerap juga mempunyai APKK yang kerap, dan teks yang mengandungi binaan kata yang banyak pula mempunyai AB yang kerap. Jumlah varians yang dikongsi bersama oleh dua kes ini adalah AKK dan APKK, iaitu 31.58% dan, binaan kata dan AB iaitu 27.45%. Manakala kes mempunyai nilai tertinggi pekali korelasi yang tinggi negatif pula, iaitu hubungan yang kuat negatif adalah AKN dan isi ($r=-.633$). Hal ini bermakna penggunaan AKN yang kerap digunakan dalam teks, kekerapan isi dalam ayat adalah rendah. Manakala jumlah varians yang dikongsi bersama dalam teks oleh dua pemboleh ini adalah 40.07%.

Seterusnya terdapat satu kes menunjukkan hubungan kuat positif dengan nilai pekali korelasi yang tertinggi ($r=.766$), iaitu antara AK dan isi dengan jumlah varians yang dikongsi bersama antara dua pemboleh ubah ini dalam teks adalah sebanyak 58.76%. Hal ini bermakna teks yang mengandungi kekerapan penggunaan AK juga mengandungi isi yang banyak dalam ayat. Keadaan ini memperkuat analisis berkaitan sisihan piawai kedua-dua pemboleh ubah ini, kedua-duanya mempunyai taburan dalam teks yang paling seragam dengan nilai sisihan piawai yang terkecil. Hal ini menunjukkan hubungan yang kuat antara kekerapan unsur ayat sintaksis mudah dalam satu ayat dengan kepadatan isi dalam satu ayat. Oleh itu kesukaran murid untuk memahami isi ada kaitannya dengan kemahiran murid terhadap sistem sintaksis bahasa teks yang dipelajari.

Manakala bagi kes-kes yang memperoleh nilai pekali korelasi yang sederhana dengan tahap hubungan yang sederhana, terdapat 27 kes memperoleh nilai pekali korelasi antara $r=.109$ hingga $r=.292$ dengan pelbagai kombinasi pemboleh ubah dan arah hubungan (lihat jadual 4.7). Jumlah varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah dalam kelompok kes ini adalah antara 1.19% hingga 8.53%. Kes yang

menunjukkan nilai pekali korelasi yang terendah ($r=.109$) adalah antara binaan kata dan bentuk kata, dan kes yang menunjukkan nilai pekali korelasi tertinggi dalam kelompok ini dengan $r=.292$ adalah AKK dan APKN.

Bagi kelompok terakhir, iaitu mempunyai tahap hubungan yang lemah dengan nilai pekali korelasi rendah dan arah hubungan yang pelbagai. Terdapat 15 kes nilai pekali korelasi yang diperoleh antara $r=.00$ hingga $r=.088$ dengan jumlah varians yang dikongsi bersama antara 0.0% hingga 8%. Kes yang menunjukkan nilai pekali korelasi terendah dalam kelompok ini adalah antara makna kata dan AKK ($r=.00$) dan kes yang tertinggi nilai pekali korelasi dalam kelompok ini adalah antara APKK dan APKN ($r=.088$). Berdasarkan nilai pekali korelasi dan jumlah varians yang dikongsi bersama pada kes-kes dalam dua kelompok terakhir di atas adalah rendah dengan nilai maksima $r=.292$ dan jumlah varians dikongsi bersama antara boleh ubah adalah 8.53% dengan tahap hubungan yang lemah dan sederhana, justeru kes-kes dalam kedua-dua kelompok yang terakhir ini boleh diabaikan.

Dari dapatan di atas boleh dirumuskan terdapat empat kes hubungan yang mempunyai tahap hubungan yang kuat dengan nilai pekali korelasi tinggi yang tertinggi, iaitu AKK dan APKK, binaan kata dan AB, AKN dan isi, dan AK dan isi. Kes-kes korelasi ini berkemungkinan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap senang susah atau kebolehbacaan teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat berbanding kes-kes lain yang memperoleh nilai pekali korelasi tinggi yang sederhana dan rendah.

4.3.2 Persembahan Teknikal Buku Teks

Data berkaitan persembahan teknikal buku teks diperoleh daripada borang senarai semak yang diisi oleh sampel guru BAT Tingkatan Empat dari seluruh Semenanjung Malaysia. Pembentangan dilakukan berdasarkan peratus dan min. Dari lima skala yang digunakan ia dikelompokkan kepada dua kategori utama, iaitu baik bagi amat baik dan baik, dan lemah bagi sekala memadai, lemah dan tidak ada. Aspek yang menjadi fokus dalam tinjauan persembahan teknikal buku teks ini ialah: (a) gambaran am, (b) persembahan kandungan, (c) bahasa dan kemahiran, (d) organisasi, (e) aktiviti dan latihan, (f) pengukuran, (g) rupa bentuk fizikal, (h) bahan tambahan, dan (i) motivasi. Berikut adalah dapatan kajian berkaitan persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan persepsi guru mengikut aspek-aspek tersebut di atas.

4.3.2.1 Gambaran Am

Jadual 4.8 menunjukkan taburan peratusan dan keputusan min dari aspek gambaran am buku teks BAT Tingkatan Empat. Dari 13 item aspek ini terdapat lima item yang memperoleh nilai min pada tahap baik (antara $\text{min}=3.68$ – $\text{min}=5.00$). Item-item itu adalah A1, $\text{min}=3.92$ dengan taburan peratusan sebanyak 77.1% responden guru menyatakan baik bagi item buku teks sesuai untuk kurikulum yang disarankan. Item A2, $\text{min}=3.73$ dengan taburan responden yang menyatakan baik pada item buku teks sesuai untuk murid sasaran yang akan menggunakannya adalah 66.3%. Item A4, $\text{min}=3.94$ dengan taburan responden sebanyak 74.7% yang menyatakan baik pada item buku teks menyokong tujuan dan kurikulum yang digariskan. Seterusnya item A5, $\text{min}=3.86$

dengan peratusan taburan responden yang menyatakan baik pada pernyataan buku teks sebahagian siri pembelajaran bahasa Arab yang perlu digunakan semua siri bagi melengkapkan pembelajaran bahasa Arab di sekolah, adalah sebanyak 67.5%. Manakala item A11 pula dengan nilai min=3.81 memperoleh peratusan taburan responden yang menyatakan baik pada item bahan dalam buku teks menggambarkan trend, informasi dan amalan pembelajaran semasa adalah sebanyak 68.7%.

Jadual 4.8

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Gambaran Am Buku Teks BAT Tingkatan Empat

A.	Gambaran Am	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Mema-dai	Lemah	Tidak Ada	
A1	Buku teks sesuai untuk kurikulum yang disarankan.	20.5%	56.6%	18.1%	4.8%	0.0%	3.92
A2	Buku teks sesuai untuk murid sasaran yang akan menggunakaninya.	13.3%	53.0%	27.7%	6.0%	0.0%	3.73
A3	Kandungan buku teks disusun untuk mendorong keinginan murid untuk mempelajari bahasa Arab.	9.6%	42.2%	38.6%	8.4%	1.2%	3.50
A4	Buku teks menyokong tujuan dan kurikulum yang digariskan.	21.7%	53.0%	22.9%	2.4%	0.0%	3.94
A5	Buku teks sebahagian siri pembelajaran bahasa Arab di mana semua siri perlu digunakan bagi melengkapkan pembelajaran bahasa Arab di sekolah.	22.9%	44.6%	27.7%	4.8%	0.0%	3.86
A6	Buku teks ditulis sesuai untuk usia murid yang disasarkan.	12.0%	44.6%	34.9%	7.2%	1.2%	3.59
A7	Buku teks sensitif dengan latar belakang budaya masyarakat seperti adat resam, agama, jantina dan bangsa.	26.5%	39.8%	19.3%	2.4%	12%	3.66
A8	Tahap senang susah buku teks sesuai dengan murid.	10.8%	36.1%	42.2%	9.6%	1.2%	3.46
A9	Buku teks boleh mencakupi masa pembelajaran yang ditetapkan.	4.8%	13.3%	31.3%	37.3%	13.3%	2.59
A10	Kandungan buku teks menonjolkan konsep-konsep / kemahiran-kemahiran asas.	13.3%	39.8%	37.3%	9.6%	0.0%	3.57
A11	Bahan-bahan dalam buku teks menggambarkan trend, informasi dan amalan pembelajaran semasa.	16.9%	51.8%	26.5%	4.8%	0.0%	3.81
A12	Pembelajaran dan aktiviti-aktiviti menggambarkan pembezaan gaya	6.0%	41.0%	44.6%	8.4%	0.0%	3.45

	pembelajaran, minat dan tahap-tahap kebolehan.					
A13	Pendidikan kemahiran bahasa berasaskan aplikasi semasa ditonjolkan.	7.2%	48.2%	34.9%	9.6%	0.0% 3.53

Selain itu sebanyak lapan item menunjukkan nilai min pada tahap sederhana (antara min=2.34 – min=3.67). Tujuh dari item-item itu mempunyai nilai min sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67) dengan peratus responden yang menyatakan baik pada item-item tersebut antara 46.9% hingga 56.6%. Item-item tersebut adalah A3, iaitu kandungan buku teks disusun untuk mendorong keinginan murid untuk mempelajari bahasa Arab (min=3.50); A6, iaitu buku teks ditulis sesuai untuk usia murid yang disasarkan (min 3.59); A7, iaitu buku teks sensitif dengan latar belakang budaya masyarakat seperti adat resam, agama, jantina dan bangsa (min=3.66); A8, iaitu tahap senang susah buku teks sesuai dengan murid (min=3.46); A10, iaitu kandungan buku teks menonjolkan konsep-konsep atau kemahiran-kemahiran asas (min=3.57); A12, iaitu pembelajaran dan aktiviti-aktiviti menggambarkan pembezaan gaya pembelajaran, minat dan tahap-tahap kebolehan (min=3.45); dan A13, iaitu pendidikan kemahiran bahasa berasaskan aplikasi semasa ditonjolkan (min 3.53).

Terdapat satu item yang memperoleh nilai min pada tahap sederhana rendah (antara min=2.34 – min=2.99) dengan peratus responden yang menyatakan baik adalah sebanyak 18.1% sahaja, iaitu 68.6% menyatakan ia memadai dan lemah.. Item tersebut adalah A9 bagi pernyataan buku teks boleh mencakupi masa pembelajaran yang ditetapkan.

Dapat disimpulkan bahawa walaupun min keseluruhan aspek ini menunjukkan pada tahap sederhana tinggi, namun berdasarkan peratus respons yang diberi oleh

responden hampir separuh menganggap gambaran am terhadap buku teks BAT adalah memadai lemah pada kebanyakan item.

4.3.2.2 Persempahan Kandungan

Jadual 4.9 menunjukkan taburan peratusan dan keputusan min bagi aspek persempahan kandungan buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan persepsi guru BAT Tingkatan Empat yang ditinjau. Dapatan kajian menunjukkan tujuh daripada 24 item memperoleh nilai min pada tahap baik atau tinggi (antara $\text{min}=3.68$ – $\text{min}=5.00$) dengan peratus responden yang menyatakan baik pada item-item tersebut antara 57.9% hingga 84.3%.

Item-item tersebut adalah B14, $\text{min}=3.84$ dengan taburan peratusan responden untuk tahap baik sebanyak 71.1% bagi pernyataan teks pembelajaran selaras dengan objektif mata pelajaran. Seterusnya B15 dan B16 bagi pernyataan kandungan buku teks boleh menjadi perantara bagi mempelajari budaya bahasa sasaran (Islam, Arab dll), dan teks-teks yang dipilih mewakili kepelbagaiannya genre/jenis dan tema. Masing-masing memperoleh nilai $\text{min}=3.71$ dan $\text{min}=3.80$ dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 62.7%, dan 68.7%. Selain itu B22, iaitu kolumn definisi-definisi (ringkasan) untuk pengguna ditulis dengan baik, $\text{min}=3.87$ dengan taburan peratusan responden sebanyak 69.9%. Kemudian B33 yang memperoleh nilai min tertinggi, iaitu $\text{min}=4.06$ bagi pernyataan teks-teks yang disediakan bebas dari bahan-bahan atau unsur-unsur yang tidak menyenangkan, dan B35, iaitu bahan-bahan pembelajaran bebas dari bias berkaitan jantina, bangsa, budaya dan stereotaip dengan nilai $\text{min}=3.92$, masing mempunyai taburan peratusan responden sebanyak 80.7% dan 84.3% bagi tahap baik.

Jadual 4.9

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Persembahan Kandungan Buku Teks BAT Tingkatan Empat.

B. Persembahan Kandungan	5 Amat Baik	4 Baik	3 Mema- dai	2 Lemah	1 Tidak Ada	Min
B14 Teks pembelajaran selaras dengan objektif mata pelajaran.	19.3%	51.8%	22.9%	6.0%	0.0%	3.84
B15 Kandungan buku teks boleh menjadi perantara bagi mempelajari budaya bahasa sasaran (Islam, Arab dll).	15.7%	47.0%	30.1%	7.2%	0.0%	3.71
B16 Teks-teks yang dipilih mewakili kepelbagaian genre/jenis dan tema.	15.7%	53.0%	26.5%	4.8%	0.0%	3.80
B17 Idea-idea utama, konsep-konsep dan maklumat penting dinyatakan dan diterangkan dengan jelas.	10.8%	45.8%	34.9%	8.4%	0.0%	3.59
B18 Konsep-konsep baru / kemahiran-kemahiran dengan jelas dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada atau pengalaman lepas murid.	6.0%	45.8%	36.1%	10.8%	1.2%	3.45
B19 Dalam memperkenalkan konsep-konsep baru disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai untuk setiap satu.	14.5%	42.2%	36.1%	7.2%	0.0%	3.64
B20 Teks memperkenalkan konsep yang abstrak dengan disertakan banyak contoh-contoh yang konkret.	6.0%	33.7%	51.8%	8.4%	0.0%	3.37
B21 Kefahaman tentang teks lebih mudah dengan mengenangkan satu konsep berbanding banyak konsep.	8.4%	51.8%	30.1%	8.4%	1.2%	3.58
B22 Kolumn definisi-definisi untuk pengguna (ringkasan) ditulis dengan baik.	22.9%	47.0%	24.1%	6.0%	0.0%	3.87
B23 Definisi-definisi konsep boleh difahami pada tahap keabstrakan yang paling rendah.	8.4%	41.0%	37.3%	12.0%	1.2%	3.43
B24 Definisi/ringkasan yang dibuat menggambarkan kandungan teks.	13.3%	45.8%	34.9%	6.0%	0.0%	3.66
B25 Tanggapan berkenaan pengetahuan perbendaharaan kata murid sesuai.	15.7%	42.2%	32.5%	8.4%	1.2%	3.63
B26 Tanggapan berkenaan latar belakang pengalaman am murid sesuai.	7.2%	41.0%	44.6%	7.2%	0.0%	3.48
B27 Tanggapan berkenaan pengetahuan sedia ada murid berkaitan kandungan pelajaran sesuai.	8.4%	39.8%	44.6%	7.2%	0.0%	3.49
B28 Perbendaharaan kata dan kepadatan konsep berada dalam lingkungan kebolehan murid untuk mencapai makna dalam teks.	9.6%	43.4%	27.7%	18.1%	0.0%	3.42
B29 Kandungan buku mengandungi isu-isu kehidupan sebenar yang mencabar pembaca untuk berfikir secara kritis	13.3%	44.6%	39.8%	2.4%	0.0%	3.69

	berkaitan pandangan murid terhadap alam sekeliling.						
B30	Teks secara jelas menyatakan perkaitan-perkaitan kompleks yang penting (spt. Sebab akibat, ayat bersyarat dll) dari hanya mengharapkan pembaca akan membuat kesimpulan sendiri daripada konteks ayat.	8.4%	34.9%	42.2%	13.3%	1.2%	3.61
B31	Teks menyingkirkan perincian-perincian yang tidak perlu / relevan?	6.0%	36.1%	43.4%	13.3%	1.2%	3.33
B32	Contoh-contoh dan huraihan-huraihan boleh difahami murid.	9.6%	44.6%	36.1%	9.6%	0.0%	3.54
B33	Teks-teks yang disediakan bebas dari bahan-bahan atau unsur-unsur yang tidak menyenangkan.	33.7%	47.0%	13.3%	3.6%	2.4%	4.06
B34	Terdapat deskripsi yang tepat tentang hasilan pembelajaran yang perlu dicapai murid setelah sempurna sesuatu teks dipelajari. (spt. Tanda aras tahap)	1.2%	51.8%	27.7%	12.0%	7.2%	3.28
B35	Bahan-bahan pembelajaran bebas dari bias (berat sebelah) berkaitan jantina, bangsa, budaya dan stereotaip (kelaziman).	26.5%	57.8%	4.8%	2.4%	8.4%	3.92
B36	Pembelajaran memandu murid dari abstrak kepada konkret dan umum kepada spesifik.	6.0%	42.2%	41.0%	10.8%	0.0%	3.43
B37	Pembelajaran secara beransur-ansur memupuk pembelajaran kendiri murid.	10.8%	45.8%	32.5%	9.6%	1.2%	3.55

Manakala 17 item yang lain memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67). Nilai min terendah dalam kelompok ini adalah item B34 pada pernyataan terdapat deskripsi yang tepat tentang hasilan pembelajaran yang perlu dicapai murid setelah sempurna sesuatu teks dipelajari. Ia memperoleh nilai min= 3.28 dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik dan tahap memadai serta lemah hampir sama, iaitu 53% bagi tahap baik dan 46.9% bagi tahap memadai dan lemah. Manakala item B24 bagi pernyataan definisi/ringkasan yang dibuat menggambarkan kandungan teks memperoleh min tertinggi dalam kelompok ini dengan nilai min=3.66 dan taburan peratusan responden bagi tahap baik adalah 59.1%. Oleh itu nilai min 17 item yang berada dalam kelompok ini berada antara min=3.28

hingga min=3.66. Item-item ini selain dari B24 dan B34 adalah B17 hingga B21, B23 hingga B28, B30, B31, B32, 36 dan B37. Dari 17 item tersebut, tujuh memperoleh taburan peratusan respondan bagi tahap baik kurang dari 50%. Item-item terkenaan adalah B20, min=3.37 dengan taburan peratusan sebanyak 39.7%, iaitu yang terendah berbanding yang lain. Manakala yang lain adalah B23 (min=3.43) dengan taburan peratusan 49.4%, B26 (min=3.48) dengan taburan peratusan 48.2%, B27 (min=3.49) dengan taburan peratusan 48.2%, B30 (min=3.61) dengan taburan peratusan 43.3%, B31 (min=3.33) dengan taburan peratusan 42.1%, dan B36 (min=3.43) dengan taburan peratusan 48.2%.

Secara am tahap persempahan kandungan buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap sederhana tinggi. Namun dari taburan peratus terhadap aras penilaian responden terhadap aspek ini menunjukkan hanya tujuh item yang dinilai baik oleh lebih 57% responden. Manakala sebanyak 19 item lagi dengan purata 54% responden menyatakan aspek ini berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.3 Bahasa dan Kemahiran Bahasa

Dari aspek bahasa dan kemahiran bahasa dalam buku teks BAT Tingkatan Empat jadual 4.10 membentangkan dapatan kajian bagi taburan peratusan dan keputusan min. Jadual tersebut menunjukkan terdapat empat daripada 15 item yang mempunyai nilai min pada tahap baik (antara min=3.68 – min=5.00) dengan taburan responden yang menyatakan pada tahap baik antara 65% hingga 73.5%.

Item-item tersebut adalah C38, min=3.73 dengan taburan peratusan untuk tahap baik sebanyak 66.3% bagi pernyataan bahan-bahan bacaan yang dipilih mempunyai ciri-ciri bahasa sasaran yang sebenar. Item seterusnya C40, min=3.87 dengan taburan

peratusan untuk tahap baik sebanyak 73.5% bagi pernyataan teks mengandungi kepelbagaian struktur ayat. Ia merupakan pernyataan yang memperoleh nilai min dan peratusan persepsi responden tertinggi bagi tahap baik dalam aspek ini. Selain itu item C43, min=3.80 adalah kedua tertinggi dalam aspek ini bagi pernyataan perkataan-perkataan baru diperkenalkan dengan kadar yang sesuai bagi membolehkan murid memahami teks. Taburan peratusan tahap baik bagi pernyataan ini adalah 69.9%. Item C48 pula bagi pernyataan kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan dalam buku teks sesuai dengan mata pelajaran, memperoleh nilai min=3.70 dengan taburan peratusan tahap baik daripada responden sebanyak 65%.

Jadual 4.10

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Bahasa dan Kemahiran Bahasa Buku Teks BAT Tingkatan Empat

C. Bahasa dan Kemahiran Bahasa	5 Amat Baik	4 Baik	3 Mema-dai	2 Lemah	1 Tidak Ada	Min
C38 Bahan-bahan bacaan yang dipilih mempunyai ciri-ciri bahasa sasaran yang sebenar.	15.7%	50.6%	26.5%	6.0%	1.2%	3.73
C39 Tahap kekompleksan ayat sesuai dengan tahap murid.	6.0%	34.9%	44.6%	10.8%	3.6%	3.29
C40 Teks mengandungi kepelbagaian struktur ayat.	14.5%	59.0%	25.3%	1.2%	0.0%	3.87
C41 Penggunaan bahasa dalam teks mengambil kira penggredan atau kesinambungan aras bahasa.	8.4%	43.4%	41%	6.0%	1.2%	3.52
C42 Kaedah-kaedah tata bahasa diperkenalkan secara urutan yang logik dan mengikut peringkat aras kesukaran.	13.3%	42.4%	38.6%	3.6%	2.4%	3.60
C43 Perkataan-perkataan baru diperkenalkan dengan kadar yang sesuai bagi membolehkan murid memahami teks.	15.7%	54.2%	24.1%	6.0%	0.0%	3.80
C44 Perkataan-perkataan baru diperkenalkan dengan kadar yang sesuai bagi membolehkan murid mengingati perkataan-perkataan baru tersebut.	7.2%	49.4%	37.3%	4.8%	1.2%	3.57
C45 Perkataan-perkataan baru diulang pada pelajaran-pelajaran berikutnya bagi mengukuhkan makna dan penggunaannya.	6.0%	43.4%	33.7%	14.5%	2.4%	3.36
C46 Perkataan-perkataan baru diperkenalkan dengan pelbagai cara dan pendekatan	15.7%	34.9%	34.9%	14.5%	0.0%	3.51

	(spt. Keterangan ringkas, pelbagai keterangan ringkas, kata seerti).						
C47	Murid diajar teknik untuk mempelajari perkataan-perkataan baru.	8.4%	31.3%	32.5%	19.3%	8.4%	3.12
C48	Kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan dalam buku teks sesuai dengan mata pelajaran.	8.4%	56.6%	31.3%	3.6%	0.0%	3.70
C49	Buku teks menyediakan murid panduan yang sesuai bagi mencapai tahap kemahiran yang disasarkan.	7.2%	27.7%	48.2%	15.7%	1.2%	3.24
C50	Kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan dalam buku teks mengandungi tahap bahasa dan kemahiran kognitif yang luas supaya dapat mencabar kebolehan murid.	12.0%	44.6%	32.5%	10.8%	0.-0%	3.58
C51	Buku teks mengintegrasikan kemahiran-kemahiran bahasa dengan baik.	14.5%	45.8%	31.3%	8.4%	0.0%	3.67
C52	Buku teks menawarkan dengan baik kemahiran-kemahiran bahasa secara seimbang.	10.8%	50.6%	31.3%	7.2%	0.0%	3.65

Selain daripada empat item di atas, item-item yang lain memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67). Item-item tersebut adalah C39, C41, C42, C44 hingga C47, dan C49 hingga C52. Antara item tersebut, C51, iaitu buku teks mengintegrasikan kemahiran-kemahiran bahasa dengan baik memperoleh min tertinggi nilai min=3.67 serta taburan peratusan bagi tahap baik sebanyak 60.3%. Selain itu terdapat lima item memperoleh taburan peratusan persepsi responden bagi tahap baik kurang daripada 50%. Item-item ini adalah C39, iaitu teks mengandungi kepelbagaian struktur ayat (min=3.29) dengan taburan peratusan sebanyak 40.9%; C45, iaitu perkataan-perkataan baru diulang pada pelajaran-pelajaran berikutnya bagi mengukuhkan makna dan penggunaannya (min=3.36) dengan taburan peratusan sebanyak 49.4%; C46, iaitu perkataan-perkataan baru diperkenalkan dengan pelbagai cara dan pendekatan (spt. keterangan ringkas, pelbagai keterangan ringkas, kata seerti) (min=3.51) dengan taburan peratusan sebanyak 50.6%; C47, iaitu murid diajar teknik untuk mempelajari perkataan-perkataan baru (min=3.12) yang merupakan nilai min

terendah tahap baik berbanding yang lain dengan taburan peratusan sebanyak 39.7%; dan C49, iaitu buku teks menyediakan murid panduan yang sesuai bagi mencapai tahap kemahiran yang disasarkan ($\text{min}=3.24$) dengan taburan peratusan sebanyak 34.9% yang merupakan peratusan terendah tahap baik berbanding yang lain.

Secara am dapat dirumuskan bahawa tahap keseluruhan aspek ini adalah sederhana tinggi. Namun hanya empat item dari 15 dalam aspek ini memperoleh sebanyak 65% responden bagi tahap baik berbanding 11 item yang lain. Secara purata 11 item memperoleh sebanyak 49% responden yang menyatakan ia berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.4 Organisasi

Jadual 4.11 berikut menunjukkan dapatan taburan peratusan dan keputusan min bagi aspek organisasi buku teks BAT Tingkatan Empat. Jadual tersebut menunjukkan terdapat tiga item daripada 16 item aspek organisasi yang memperoleh nilai min pada tahap baik (antara $\text{min}=3.68$ – $\text{min}=5.00$) serta taburan peratusan bagi tahap baik oleh responden yang tertinggi berbanding item-item lain, iaitu antara 62.7% hingga 75.9%.

Item-item ini adalah D61, iaitu arahan-arahan ditulis dengan jelas dan sesuai, $\text{min}=3.98$ dengan taburan peratusan tahap baik dari persepsi responden sebanyak 75.9% merupakan nilai min dan taburan peratusan tertinggi berbanding item-item lain dalam aspek organisasi. Selain itu item D62 bagi pernyataan istilah-istilah spesifik dalam kandungan dijelaskan melalui huraihan dan contoh, $\text{min}=3.72$ dengan taburan peratusan tahap baik oleh responden sebanyak 66.2%, dan D66 bagi pernyataan teks disertakan dengan sumber-sumber seperti indeks, glosari, jadual dan lain-lain berkaitan

kandungan pelajaran, min 3.73 dengan taburan peratusan tahap baik oleh responden sebanyak 62.7%.

Jadual 4.11

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Organisasi Buku Teks BAT Tingkatan Empat

D.	Organisasi	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Memadai	Lemah	Tidak Ada	
D53	Jumlah objektif mata pelajaran yang mencukupi dinyatakan dalam buku teks.	10.8%	42.2%	32.5%	8.4%	6.0%	3.43
D54	Pengenalan disediakan pada setiap bab/unit pelajaran.	12.0%	44.6%	28.9%	7.2%	7.2%	3.47
D55	Setiap bab/unit pelajaran mempunyai struktur organisasi yang jelas, sesuai dan mudah.	7.2%	39.8%	43.4%	7.2%	2.4%	3.42
D56	Corak organisasi yang jelas dan mudah mengaitkan antara bab-bab/unit-unit pelajaran.	6.0%	33.7%	49.4%	7.2%	3.6%	3.31
D57	Isi-isi pembelajaran dirangkumi dan dipersembahkan secara urutan yang logik dan jelas.	7.2%	48.2%	39.8%	4.8%	0.0%	3.58
D58	Isi-isi pembelajaran sama ada topik atau fungsian diperkenalkan secara logik dan tersusun.	7.2%	47.0%	38.6%	7.2%	0.0%	3.54
D59	Tajuk-tajuk bab/unit dan sub-subtopik bersifat konkrit, bermakna dan menarik minat.	7.2%	36.1%	41.0%	14.5%	1.2%	3.34
D60	Idea-idea utama dalam setiap segmen pembelajaran dinyatakan dengan jelas.	10.8%	36.1%	44.6%	4.8%	3.6%	3.46
D61	Arahan-arahan ditulis dengan jelas dan sesuai.	24.1%	51.8%	21.7%	2.4%	0.0%	3.98
D62	Istilah-istilah spesifik dalam kandungan dijelaskan melalui huraian dan contoh.	12.0%	54.2%	27.7%	6.0%	0.0%	3.72
D63	Arahan-arahan dalam buku teks memberitahu murid tujuan membaca teks bacaan adalah untuk kefahaman.	10.8%	43.4%	31.3%	9.6%	4.8%	3.46
D64	Soalan dan aktiviti menarik perhatian kepada corak penyusunan bahan (spt. Kronologi, sebab dan akibat, isu semasa dll).	9.6%	36.1%	41%	10.8%	2.4%	3.40
D65	Teks menyediakan ikon-ikon bantuan yang sesuai seperti peta, graf, ilustrasi dan lain-lain untuk mengukuhkan konsep-konsep.	15.7%	34.9%	38.6%	8.4%	2.4%	3.53
D66	Teks disertakan dengan sumber-sumber seperti indeks, glosari, jadual dll berkaitan kandungan pelajaran.	16.9%	45.8%	31.3%	6.0%	0.0%	3.73
D67	Jarak antara ringkasan berkaitan teks sesuai.	10.8%	36.1%	43.4%	8.4%	1.2%	3.47
D68	Bahan-bahan yang diguna pakai berkait	9.6%	48.2%	37.3%	4.8%	0.0%	3.63

dengan baik dengan buku teks.

Tiga belas item yang lain dalam aspek ini memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara $\text{min}=3.00$ – $\text{min}=3.67$). Item-item tersebut adalah D53 hingga D60, D63, D64, D65, D67 dan D68. Dari item-item tersebut, D68, iaitu pernyataan bahan-bahan yang diguna pakai berkait dengan baik dengan buku teks memperoleh nilai min sederhana tinggi dan taburan peratusan bagi tahap baik oleh responden paling tinggi berbanding yang lain dalam kelompok ini, iaitu nilai $\text{min}=3.63$ dan taburan peratusan tahap baik sebanyak 57.8%. Selain itu terdapat enam item dari kelompok ini yang memperoleh peratusan bagi tahap baik oleh responden kurang daripada 50%. Item-item tersebut adalah D55 bagi pernyataan setiap bab/unit pelajaran mempunyai struktur organisasi yang jelas, sesuai dan mudah ($\text{min}=3.42$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 47%. Item D56, iaitu corak organisasi yang jelas dan mudah mengaitkan antara bab-bab/unit-unit pelajaran ($\text{min}=3.31$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 39.7% merupakan item yang mempunyai nilai min dan taburan peratusan tahap baik paling rendah berbanding yang lain dalam aspek ini. Seterusnya item D59, iaitu tajuk-tajuk bab/unit dan sub-subtopik bersifat konkret, bermakna dan menarik minat ($\text{min}=3.34$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 43.3%. Item D60, iaitu idea-idea utama dalam setiap segmen pembelajaran, dinyatakan dengan jelas ($\text{min}=3.46$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 46.9%. Item D64, iaitu soalan dan aktiviti menarik perhatian kepada corak penyusunan bahan ($\text{min}=3.40$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 45.7%. Item terakhir adalah D67 iaitu jarak antara ringkasan berkaitan teks sesuai ($\text{min}=3.47$), mendapat taburan peratusan tahap baik sebanyak 46.9%.

Secara am purata min bagi aspek ini berada pada tahap sederhana tinggi, namun jika ditinjau dari peratus persetujuan responden menunjukkan hanya tiga item sahaja memperoleh lebih 60% bagi tahap baik. Item-item yang lain memperoleh purata persetujuan responden bagi tahap baik sebanyak 46% sahaja, iaitu purata 54% responden menyatakan tahap aspek organisasi buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.5 Aktiviti dan Latihan

Dalam aspek aktiviti dan latihan pula jadual 4.12 dibentangkan dapatan kajian berkaitan taburan peratusan dan keputusan min. Jadual menunjukkan hanya dua dari 20 item dalam aspek ini memperoleh nilai min pada tahap baik (antara min=3.68 – min=5.00). Item-item tersebut adalah E75 bagi pernyataan latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti meneguhkan apa yang telah dipelajari murid serta menggambarkan tahap kemajuan dari mudah kepada sukar. Ia mempunyai nilai min=3.75 dengan taburan peratusan responden untuk tahap baik sebanyak 63.9%, iaitu yang tertinggi berbanding item lain dalam aspek ini. Item kedua pula, iaitu E85 bagi pernyataan strategi pembacaan nyaring dan senyap digunakan memperoleh nilai min=3.69 dengan taburan peratusan responden untuk tahap baik sebanyak 60.3%.

Jadual 4.12

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Aktiviti dan Latihan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

E. Aktiviti dan Latihan		5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Memadai	Lemah	Tidak Ada	
E69	Aktiviti-aktiviti disediakan untuk tahap kebolehan murid yang pelbagai.	9.6%	45.8%	33.7%	10.8%	0.0%	3.54
E70	Terdapat aktiviti-aktiviti interaktif dan tugas yang menuntut murid menggunakan perkataan-perkataan baru	10.8%	43.4%	36.1%	8.4%	1.2%	3.54

	untuk berkomunikasi.					
E71	Aktiviti-aktiviti memberi ruang kepada murid bagi menggunakan kaedah-kaedah tata bahasa dengan menyediakan situasi yang memerlukan penggunaan tata bahasa yang dipelajari.	6.0%	48.2%	42.2%	3.6%	0.0% 3.57
E72	Aktiviti-aktiviti menyediakan ruang kepada murid menunjukkan pengetahuan dan kemahiran mereka menggunakan bahasa Arab yang dipelajari.	6.0%	50.6%	38.6%	4.8%	0.0% 3.58
E73	Aktiviti-aktiviti menyediakan ruang variasi murid dalam menggunakan strategi yang berbeza untuk kefahaman.	4.8%	43.4%	45.8%	6.0%	0.0% 3.47
E74	Aktiviti-aktiviti teks diintegrasikan dengan imej-imej visual yang mengajak murid untuk melakukan pemerhatian, mengenalpastian, perbincangan atau analisis amalan dan produk budaya.	8.4%	31.3%	39.8%	16.9%	3.6% 3.24
E75	Latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti meneguhkan apa yang telah dipelajari murid serta menggambarkan tahap kemajuan dari mudah kepada sukar.	15.7%	48.2%	31.3%	4.8%	0.0% 3.75
E76	Aktiviti-aktiviti sesuai dengan usia murid.	9.6%	50.6%	33.7%	6.0%	0.0% 3.64
E77	Aktiviti-aktiviti disediakan dalam konteks persekitaran sebenar atau tugas dunia sebenar.	8.4%	49.4%	34.9%	6.0%	1.2% 3.58
E78	Teks menyediakan peluang kepada murid untuk mempraktikkan konsep baru yang dipelajari.	10.8%	41.0%	38.6%	9.6%	0.0% 3.53
E79	Aktiviti-aktiviti menyediakan panduan untuk memudahkan kefahaman.	12.0%	37.3%	42.2%	8.4%	0.0% 3.53
E80	Soalan-soalan mengingat kembali secara literal disediakan untuk semakan kendiri murid.	10.8%	27.7%	47.0%	14.5%	0.0% 3.35
E81	Sebahagian soalan-soalan menggalak murid membuat kesimpulan.	12.0%	39.8%	7.2%	1.2%	0.0% 3.54
E82	Latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti diberi ruang untuk perundingan.	8.4%	43.4%	44.6%	3.6%	0.0% 3.57
E83	Terdapat soalan-soalan perbincangan menggalak pemikiran kreatif.	7.2%	50.6%	34.9%	7.2%	0.0% 3.58
E84	Latihan yang diberi mendorong pemikiran kritis terhadap teks yang dipelajari.	7.2%	44.6%	42.2%	6.0%	0.0% 3.53
E85	Strategi pembacaan nyaring dan senyap digunakan.	19.3%	41.0%	31.3%	6.0%	2.4% 3.69
E86	Murid diberi panduan yang cukup bagi mengaplikasi teknik pembacaan senyap untuk kefahaman membaca.	13.3%	28.9%	42.2%	12.0%	3.6% 3.36
E87	Terdapat keseimbangan antara latihan-latihan terkawal, berpandu dan bebas.	7.2%	36.1%	49.4%	7.2%	0.0% 3.43
E88	Latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti dalam buku teks menggalakkan pembangunan bahasa murid.	12.0%	45.8%	36.1%	6.0%	0.0% 3.64

Manakala item-item lain selebihnya, semua memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67). Item-item tersebut adalah E69 hingga E84 dan E86 hingga E88. Daripada 18 item tersebut, dua daripadanya memperoleh nilai min tertinggi dengan masing-masing memperoleh nilai min yang sama, iaitu min=3.64 untuk item E76 bagi pernyataan aktiviti-aktiviti sesuai dengan usia murid, dan E88 bagi pernyataan latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti dalam buku teks menggalakkan pembangunan bahasa murid. Namun dari sudut taburan peratusan responden bagi tahap baik item E76 lebih tinggi dengan 60.2% berbanding E88 dengan 57.8%.

Selain itu juga terdapat lima item dalam kelompok sederhana tinggi ini yang memperoleh taburan peratusan responden bagi tahap baik kurang daripada 50%. Item-item tersebut adalah E73, iaitu aktiviti-aktiviti menyediakan ruang variasi murid dalam menggunakan strategi yang berbeza untuk kefahaman (min=3.47), dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 48.2%. Item E74, iaitu aktiviti-aktiviti teks diintegrasikan dengan imej-imej visual yang mengajak murid untuk melakukan pemerhatian, mengenal pasti, perbincangan atau analisis amalan dan produk budaya (min=3.24), dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 39.7% yang juga item yang memperoleh nilai min terendah berbanding item lain dalam aspek latihan dan aktiviti. Seterusnya E80, iaitu soalan-soalan mengingat kembali secara literal disediakan untuk semakan kendiri murid (min=3.35), dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik terendah dalam aspek ini berbanding item lain, iaitu sebanyak 38.5%. Item E86, iaitu murid diberi panduan yang cukup bagi mengaplikasi teknik pembacaan senyap untuk kefahaman membaca (min=3.36), dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 42.2%. Item terakhir, iaitu E87 bagi

pernyataan terdapat keseimbangan antara latihan-latihan terkawal, berpandu dan bebas (min=3.43), dengan taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 43.3%.

Dapat dirumuskan purata min aspek ini berada pada tahap sederhana tinggi. Daripada 20 item, hanya dua sahaja yang memperoleh peratus persetujuan responden melebihi 60% bagi tahap baik. Manakala 18 item yang lain memperoleh purata persetujuan tahap baik sebanyak 51%, iaitu 49% responden menyatakan aspek ini berada pada tahap memadain dan lemah.

4.3.2.6 Pengukuran

Berikut adalah jadual taburan peratusan dan keputusan min dari aspek pengukuran dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Dapatan kajian dalam jadual 4.13 menunjukkan tiga daripada lima item dalam aspek ini memperoleh nilai min pada tahap baik (antara min=3.68 – min=5.00). Item-item yang menunjukkan nilai min pada tahap baik adalah F89, iaitu pengukuran tertumpu kepada pengetahuan tentang isi-isi utama, konsep-konsep dan kemahiran-kemahiran dengan nilai min=3.83 serta taburan peratusan responden bagi tahap baik sebanyak 74.7%. Ia merupakan item yang memperoleh nilai min dan taburan peratusan bagi penilaian tahap baik paling tinggi berbanding yang lain dalam aspek ini. Item lain yang memperoleh nilai min pada tahap tinggi adalah F91 bagi pernyataan tujuan dan objektif asas kurikulum dinilai dengan nilai min=3.70 serta taburan peratusan untuk tahap baik oleh responden sebanyak 65%. Selain itu item F93, iaitu pengukuran tertumpu kepada kefahaman murid terhadap proses sebagaimana hasil pembelajaran memperoleh nilai min=3.70 dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 61.4%.

Jadual 4.13

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Pengukuran Buku Teks BAT Tingkatan Empat

F.	Pengukuran	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Memadai	Lemah	Tidak Ada	
F89	Pengukuran tertumpu kepada pengetahuan tentang isi-isi utama, konsep-konsep dan kemahiran-kemahiran.	10.8%	63.9%	22.9%	2.4%	0.0%	3.83
F90	Pengetahuan kandungan dan kemahiran murid diukur dengan pelbagai cara dari maklumat-maklumat yang diambil dari semua tahap kognitif dan psikomotor.	3.6%	56.6%	34.9%	4.8%	0.0%	3.59
F91	Tujuan dan objektif asas kurikulum dinilai.	12.0%	53.0%	30.1%	2.4%	2.4%	3.70
F92	Soalan-soalan dan aktiviti-aktiviti menarik perhatian murid kepada corak organisasi teks dan strategi pembelajaran yang lain.	4.8%	43.4%	45.8%	6.0%	0.0%	3.47
F93	Pengukuran tertumpu kepada kefahaman murid terhadap proses sebagaimana hasil pembelajaran.	9.6%	51.8%	37.3%	1.2%	0.0%	3.70

Selain itu pula, dua item memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara $\text{min}=3.00$ – $\text{min}=3.67$). Dua item tersebut adalah F90, iaitu pengetahuan kandungan dan kemahiran murid diukur dengan pelbagai cara dari maklumat-maklumat yang diambil dari semua tahap kognitif dan psikomotor dengan nilai $\text{min}=3.59$ serta taburan peratusan tahap baik sebanyak 60.2%. Item terakhir dalam aspek ini adalah F92 bagi pernyataan soalan-soalan dan aktiviti-aktiviti menarik perhatian murid kepada corak organisasi teks dan strategi pembelajaran yang lain dengan nilai $\text{min}=3.47$ dan taburan peratusan tahap baik sebanyak 48.2%. Item ini merupakan yang terendah memperoleh nilai min serta taburan peratusan bagi tahap baik berbanding yang lain dalam aspek pengukuran.

Berdasarkan purata min, aspek ini berada pada tahap sederhana tinggi walaupun tiga dari lima item berada pada tahap tinggi. Jika ditinjau pada peratus responden yang memberi persetujuan tahap baik bagi semua item, ia menunjukkan

purata sebanyak 64%, iaitu hanya 36% yang berpendapat ia berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.7 Reka Bentuk Fizikal

Dari aspek reka bentuk fizikal buku teks BAT Tingkatan Empat, jadual 4.14 berikut adalah taburan peratusan dan keputusan min yang diperoleh dari tinjauan kajian. Dari 10 item terdapat lima item memperoleh nilai min pada tahap baik (antara min=3.68 – min=5.00). Item-item yang terlibat adalah G97, iaitu saiz dan berat buku teks sesuai dengan keperluan penggunanya dengan nilai min=3.88 dan taburan peratusan responden untuk tahap baik sebanyak 72.2%. Item G100 pula bagi pernyataan kualiti pengeditan dan penerbitan buku teks memuaskan memperoleh taburan peratusan bagi tahap baik sebanyak 57.9% dengan nilai min=3.69. Seterusnya item G101, iaitu ketahanan buku teks memuaskan memperoleh nilai min=3.70 dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 63.9%. Manakala item G102 bagi pernyataan jenis dan saiz tulisan sesuai dengan tahap murid, merupakan item yang mendapat nilai min dan taburan peratusan tahap baik tertinggi berbanding item lain dalam aspek reka bentuk fizikal dengan nilai min=3.98 dan taburan peratusan tahap baik 75.9%. Item akhir dalam kelompok ini adalah G103, iaitu padanan antara grafik dan teks yang sesuai memperoleh nilai min=3.75 dan taburan peratusan tahap baik sebanyak 61.5%.

Jadual 4.14

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Reka Bentuk Fizikal Buku Teks BAT Tingkatan Empat

G.	Reka Bentuk Fizikal	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Memadai	Lemah	Tidak Ada	
G94	Kulit muka depan buku teks menarik.	16.9%	42.2%	27.7%	10.8%	2.4%	3.60
G95	Gambaran visual mempunyai kualiti estetik yang tinggi.	14.5%	37.3%	34.9%	9.6%	3.6%	3.49

G96	Ilustrasi, graf, peta, carta dan lain-lain boleh menambah kefahaman dan kejelasan terhadap teks serta mempunyai kaitan dengan konsep-konsep utama.	19.3%	33.7%	36.1%	8.4%	1.2%	3.62
G97	Saiz dan berat buku teks sesuai dengan keperluan penggunaanya.	24.1%	48.1%	20.5%	6.0%	1.2%	3.88
G98	Reka bentuk buku teks menarik hati murid.	14.5%	31.3%	43.4%	8.4%	2.4%	3.47
G99	Reka bentuk buku teks disusun dengan baik.	16.9%	34.9%	34.9%	10.8%	2.4%	3.53
G100	Kualiti pengeditan dan penerbitan buku teks memuaskan.	19.3%	38.6%	34.9%	6.0%	1.2%	3.69
G101	Ketahanan buku teks memuaskan.	15.7%	48.2%	27.7%	7.2%	1.2%	3.70
G102	Jenis dan saiz tulisan sesuai dengan tahap murid.	24.1%	51.8%	21.7%	2.4%	0.0%	3.98
G103	Padanan antara grafik dan teks yang sesuai.	16.9%	44.6%	34.9%	3.6%	0.0%	3.75

Lima item yang lain pula memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67). Item-item tersebut adalah G94, iaitu kulit muka depan buku teks menarik (min=3.60) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 59.1%; G95, iaitu gambaran visual mempunyai kualiti estetik yang tinggi (min=3.49) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 51.8%; G96, iaitu ilustrasi, graf, peta, carta dan lain-lain boleh menambah kefahaman dan kejelasan terhadap teks serta mempunyai kaitan dengan konsep-konsep utama (min=3.62) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 53%; G98, iaitu reka bentuk buku teks menarik hati murid (min=3.47) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 45.8%; dan G99, iaitu reka bentuk buku teks disusun dengan baik (min=3.53) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 51.8%. Dapat dilihat bahawa dalam kelompok sederhana tinggi, G96 merupakan item tertinggi nilai min berbanding yang lain, manakala G94 pula item yang taburan peratusan tahap baik tertinggi, manakala G98 adalah item yang mempunyai nilai min terendah serta taburan peratusan tahap baik terendah, iaitu kurang daripada 50% persepsi responden.

Dari dapatan ini dapat dirumuskan, aspek reka bentuk fizikal buku teks BAT Tingkatan Empat memperoleh purata min pada tahap tinggi, iaitu aspek tertinggi baik

berbanding aspek lain yang dikaji. Namun jika ditinjau dari peratus persetujuan responden bagi tahap baik, purata yang diperoleh adalah 59%, iaitu lebih rendah dari yang diperoleh aspek pengukuran di atas.

4.3.2.8 Bahan Tambahan

Dalam aspek bahan tambahan buku teks BAT Tingkatan Empat, jadual 4.15 berikut menunjukkan tidak ada item yang memperoleh nilai min pada tahap baik. Dari enam item dalam aspek ini empat memperoleh nilai min pada tahap sederhana rendah (antara $\text{min}=2.34 - \text{min}=2.99$). Item-item tersebut adalah H105, iaitu bahan-bahan pembelajaran tambahan yang dicadangkan mudah didapati dan sesuai untuk murid ($\text{min}=2.59$) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 22.9%, memadai 30.1% dan lemah 47%; H107, iaitu buku teks disediakan dengan bahan-bahan bacaan tambahan untuk meningkatkan kemahiran membaca ($\text{min}=2.53$) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 21.7%, memadai 32.5% dan lemah 45.8%; H108, iaitu terdapat cadangan-cadangan yang sesuai tentang kegunaan aktiviti-aktiviti tambahan ($\text{min}=2.92$) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 22.9%, memadai 44.6% dan lemah 32.5%; dan H109, iaitu bahan-bahan tambahan mengguna pakai dan menekankan konsep-konsep terdapat dalam teks ($\text{min}=2.83$) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 24.1%, memadai 44.6% dan lemah 31.3%. Dari dapatan tersebut, didapati dalam kelompok ini, H108 memperoleh nilai min tertinggi, iaitu $\text{min}=2.92$ dan H109 mempunyai taburan peratusan tahap baik tertinggi iaitu 24.1%.

Jadual 4.15

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Bahar Tambahan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

H.	Bahan Tambahan	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Memadai	Lemah	Tidak Ada	
H104	Bahan-bahan tambahan bagi buku teks disediakan(spt audio visual, video, CD-Rom dsb).	3.6%	9.6%	25.3%	14.5%	47%	2.08
H105	Bahan-bahan pembelajaran tambahan yang dicadangkan mudah didapati dan sesuai untuk murid.	3.6%	19.3%	30.1%	26.5%	20.5%	2.59
H106	Buku teks dibekalkan dengan buku-buku kerja atau lembaran-lembaran aktiviti dan latihan tambahan.	4.8%	13.3%	25.3%	21.7%	34.9%	2.31
H107	Buku teks disediakan dengan bahan-bahan bacaan tambahan untuk meningkatkan kemahiran membaca.	1.2%	20.5%	32.5%	21.7%	24.1%	2.53
H108	Terdapat cadangan-cadangan yang sesuai tentang kegunaan aktiviti-aktiviti tambahan.	7.2%	15.7%	44.6%	26.5%	6.0%	2.92
H109	Bahan-bahan tambahan menggunakan pakai dan menekankan konsep-konsep terdapat dalam teks.	2.4%	21.7%	44.6%	19.3%	12.0%	2.83

Manakala dua item daripada aspek ini memperoleh nilai min pada tahap lemah (antara $\text{min}=1.00$ – $\text{min}=2.33$). Item-item tersebut adalah H104, iaitu bahan-bahan tambahan bagi buku teks disediakan seperti audio visual, video, CD-Rom dan sebagainya ($\text{min}=2.08$) dengan taburan peratusan tahap baik sebanyak 13.2%, memadai 25.3% dan lemah 61.5%. Ia merupakan item yang memperoleh nilai min terendah dalam aspek bahan-bahan tambahan serta taburan peratusan tahap lemah tertinggi. Selain itu pula item H106, iaitu buku teks dibekalkan dengan buku-buku kerja atau lembaran-lembaran aktiviti dan latihan tambahan ($\text{min}=2.31$) memperoleh taburan peratusan tahap baik sebanyak 18.1%, memadai 25.3% dan lemah 56.6%.

Dapat dirumuskan aspek bahan tambahan berada pada tahap sederhana rendah dengan dua dari enam item berada pada tahap lemah. Purata peratus persetujuan responden bagi tahap baik untuk semua item adalah sebanyak 21% sahaja, iaitu 79% responden berpendapat aspek ini berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.9 Motivasi Murid

Jadual 4.16 menunjukkan taburan peratusan dan keputusan min motivasi murid terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan persepsi guru subjek BAT. Berdasarkan jadual tersebut keseluruhan item dalam aspek motivasi murid terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi (antara $\text{min}=3.00 - \text{min}=3.67$) dengan peratus responden bagi persetujuan tahap baik antara 25.3% hingga 47%.

Item yang paling rendah nilai min dalam kelompok ini adalah I117, iaitu aktiviti-aktiviti memotivasikan murid hingga membuatkan murid ingin mengikuti topik berikutnya ($\text{min}=3.06$), iaitu sebanyak 25.3% responden menyatakan pada tahap baik, dan item yang memperoleh nilai min tertinggi dengan nilai $\text{min}=3.43$ adalah item I111 bagi pernyataan kandungan dan cara persembahannya relevan dengan murid, iaitu 43.3% responden setuju ia pada tahap baik. Selain itu, item I115 bagi pernyataan kulit, format, saiz cetakan dan gambar-gambar mendorong keinginan membaca murid mempunyai taburan peratusan responden untuk tahap baik yang tertinggi berbanding item-item lain, iaitu sebanyak 47%. Sebaliknya item yang memperoleh taburan peratusan tahap baik terendah oleh responden adalah item I117, iaitu 25.3%. Secara am keseluruhan item aspek motivasi murid memperoleh taburan peratusan bagi tahap memadai dan lemah antara 53% hingga 73.5%.

J

adual 4.16

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Motivasi Murid Terhadap Buku Teks BAT Tingkatan Empat

I.	Motivasi Murid	5	4	3	2	1	Min
		Amat Baik	Baik	Mema-dai	Lemah	Tidak Ada	
I110	Teks yang digunakan cukup menarik minat murid hingga ia mendorong murid untuk membacanya.	6.0%	26.5%	43.4%	22.9%	1.2%	3.13
I111	Kandungan dan cara persembahannya relevan dengan relajar.	7.2%	36.1%	49.4%	7.2%	0.0%	3.43
I112	Kandungan buku teks disusun mendorong keinginan murid untuk mempelajari bahasa Arab.	7.2%	26.5%	49.4%	16.9%	0.0%	3.24
I113	Buku secara jelas menunjukkan bagaimana pengetahuan yang dipelajari mungkin dapat digunakan di masa akan datang.	7.2%	34.9%	38.6%	16.9%	2.4%	3.28
I114	Teks menyediakan model-model positif dan memotivasi sama ada yang melibatkan jantina, ras, etnik, agama dan kumpulan sosioekonomi.	7.2%	38.6%	42.2%	12.0%	0.0%	3.41
I115	Kulit, format, saiz cetakan dan gambar-gambar mendorong keinginan membaca murid.	7.2%	39.8%	32.5%	20.5%	0.0%	3.34
I116	Latihan dan aktiviti dibentuk dalam pelbagai format supaya ia sentiasa dapat memotivasi dan mencabar murid.	7.2%	26.5%	50.6%	15.7%	0.0%	3.25
I117	Aktiviti-aktiviti memotivasi murid hingga membuatkan murid ingin mengikuti topik berikutnya.	4.8%	20.5%	51.8%	21.7%	1.2%	3.06
I118	Aktiviti-aktiviti yang disediakan sesuatu yang bermakna, memotivasi, dan mencabar murid pada pelbagai tahap pembelajaran.	6.0%	24.1%	57.8%	12.0%	0.0%	3.24
I119	Bahan-bahan pembelajaran memberi ruang kepada murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif.	6.0%	25.3%	55.4%	10.8%	2.4%	3.22
I120	Gaya penulisan teks mencetus keinginan membaca murid.	4.8%	30.1%	50.6%	12.0%	2.4%	3.23

Secara am dapat dirumuskan, aspek motivasi pelajar dari perseptif guru berada pada tahap sederhana tinggi. Namun jika ditinjau peratus responden bagi tahap baik, purata yang diperoleh hanya sebanyak 36.2%. ini bermakna 64% responden

berpendapat motivasi murid terhadap buku teks BAT Tingkatan Empat berada pada tahap memadai dan lemah.

4.3.2.10 Keputusan Min Keseluruhan Persembahan Teknikal Buku Teks BAT Tingkatan Empat Berdasarkan Persepsi Guru


Jadual 4.17 berikut dibentangkan keputusan min keseluruhan bagi setiap aspek dalam persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat serta sisihan piawai berdasarkan penilaian guru subjek BAT Tingkatan Empat. Berdasarkan jadual tersebut hanya satu aspek sahaja yang mencapai tahap baik (antara min=3.68 – min=5.00) dengan memperoleh nilai min=3.68, iaitu reka bentuk fizikal. Manakala aspek-aspek yang lain semuanya mencapai tahap sederhana (antara min=2.34 – min=3.67), dalam kelompok ini aspek pengukuran memperoleh nilai min tertinggi, iaitu min=3.66, manakala aspek bahan tambahan bagi pembelajaran buku teks BAT Tingkatan Empat memperoleh nilai min terendah, iaitu min=2.54. Keputusan min keseluruhan penilaian guru terhadap persembahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat yang digunakan di SMKA adalah min=3.44, iaitu berada pada tahap sederhana dengan nilai sisihan piawai yang kecil, iaitu 0.49.

Jadual 4.17

Keputusan Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Persembahan Teknikal Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Aspek-Aspek Persembahan Teknikal	Min	Sisihan Piawai
Gambaran Am	3.59	0.59
Persembahan Kandungan	3.59	0.54
Bahasa dan Kemahiran Bahasa	3.55	0.57
Organisasi	3.53	0.61
Aktiviti dan Latihan	3.53	0.56
Pengukuran	3.66	0.53
Reka Bentuk Fizikal	3.68	0.67
Bahan Tambahan	2.54	0.90
Motivasi Murid	3.26	0.65
Min Keseluruhan Persembahan Teknikal	3.44	0.49

Dari sudut yang lain, bagi melihat taburan min persempahan teknikal berdasarkan jantina dan tempoh pengalaman mengajar guru, berikut disertakan carta Bar berkaitan taburan tersebut. Berdasarkan rajah 4.12 didapati responden guru lelaki yang mengajar empat tahun ke atas menunjukkan min persepsi terhadap persempahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat yang tertinggi berbanding responden lain, iaitu antara $\text{min}=3.6$ dan $\text{min}=3.7$. Responden guru perempuan yang mengajar antara satu hingga tiga tahun dan enam tahun ke atas pula menunjukkan min kedua tertinggi, iaitu antara $\text{min}=3.3$ hingga $\text{min}=3.4$. Manakala responden lelaki yang mengajar satu hingga tiga tahun dan responden perempuan yang mengajar antara empat hingga enam tahun menunjukkan min yang terendah, iaitu antara $\text{min}=3.1$ hingga $\text{min}=3.2$. Dapat dirumuskan daripada dapatan ini bahawa latar belakang guru berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar tidak menunjukkan perbezaan pengaruh yang ketara dan tidak konsisten terhadap persepsi mereka terhadap persempahan teknikal buku teks BAT Tingkatan Empat. Nilai keseluruhan min yang diperoleh antara jantina dan antara tempoh pengalaman mengajar guru tidak menunjukkan perbezaan yang besar, tahap min yang diperoleh adalah antara 3.15 hingga 3.7, iaitu pada tahap sederhana.



Rajah 4.12. Carta Bar taburan min persempahan teknikal berdasarkan jantina dan tempoh pengalaman mengajar guru

3.3.2.11 Temu Bual Bebas

Data temu bual guru diperoleh secara serentak dengan data senarai semak melalui instrumen yang sama pada responden yang sama. Namun responden diberi pilihan untuk mengisi atau menjawab soalan dalam bahagian temu bual bebas berkaitan pandangan mereka terhadap faktor-faktor utama atau penting berdasarkan persepsi mereka yang mempunyai pengaruh terhadap senang susah buku teks BAT Tingkatan Empat. Daripada 83 responden yang diperoleh bagi mengisi senarai semak, hanya 58 responden, iaitu 69.87% daripada keseluruhan responden memberikan respon dengan memberikan sebanyak 146 pandangan. Namun sebahagian daripada respons dan

pandangan yang diberi agak umum serta tidak menyatakan contoh secara spesifik bentuk serta bahagian yang terlibat dalam buku teks.

Berdasarkan pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh responden, ia dibahagikan mengikut sembilan tema berdasarkan bahagian dalam senarai semak, iaitu (a) gambaran am, (b) persempahan kandungan, (c) bahasa dan kemahiran-kemahiran, (d) organisasi, (e) aktiviti dan latihan, (f) pengukuran, (g) rupa bentuk fizikal, (h) bahan-bahan tambahan, dan (i) motivasi.

Dari sembilan tema tersebut, tema persempahan kandungan dan bahasa serta kemahiran bahasa adalah paling banyak diberi pandangan oleh responden berbanding bahagian lain. Dalam bahagian persempahan kandungan terdapat 88 pandangan (60.27%) yang melibatkan 12 ciri dalam buku teks yang dianggap memberi pengaruh terhadap tahap kesukaran buku teks BAT Tingkatan Empat. Ciri yang paling ketara ditimbulkan adalah persempahan topik nahu, soraf dan balaghah iaitu mewakili 32 pandangan dan kepadatan kandungan topik pembelajaran sebanyak 21 pandangan.

Antara pandangan yang diberi berkaitan persempahan topik nahu, soraf dan balaghah adalah penjelasan kurang lengkap, huraian tidak jelas, perlu rujukan lain untuk difahami, terlalu ringkas, tidak seimbang antara topik, contoh tidak sesuai serta sedikit, aplikasi dalam teks panjang menyukarkan murid, tidak mengikut urutan kesukaran dan huraian kaedah sukar difahami. Antara contoh yang diberikan dalam topik nahu bahagian *marfu'āt* (m.s. 88 dalam buku teks), iaitu contoh lengkap tidak ditunjukkan bagi aspek bilangan (*mufrad*, *muthannā* dan *jam'*). Contoh bagi persempahan kurang lengkap berdasarkan HSP pula, dalam bahagian balaghah bagi topik *tashbih* (simile), tidak disertakan kaedah dan contoh bagi subtopik jenis-jenis simile (*anwā' tashbih*) (m.s. 76 dalam buku teks). Begitu juga topik soraf (morphology) bagi

subtopik *māṣdar* dan *musytaqqāt* yang diletakkan di bahagian belakang buku teks sedangkan ia perlu didahulukan, serta tidak mengikut urutan kesukaran dan kurang jelas (m.s. 162, 209 dan 226 dalam buku teks). Manakala berkaitan jumlah kandungan, banyak responden beranggapan kandungan topik atau sukatan untuk pembelajaran terlalu banyak dan padat berbanding peruntukan masa yang diberi, iaitu 160 minit seminggu. Hal ini menyebabkan proses pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran bahasa tidak dapat diberi tumpuan malah pembelajaran lebih banyak difokuskan kepada topik yang menjurus kepada format soalan peperiksaan awam khususnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selain itu pandangan-pandangan lain yang berkaitan persembahan kandungan adalah susunan kandungan tidak teratur serta bercampur aduk antara topik, iaitu lapan (8) pandangan; teks-teks dalam buku perlu lebih mesra murid seperti teks-teks perlu ditarikhkan semua, iaitu tujuh (7) pandangan; kandungan atau sukatan pada aras tinggi berbanding latar belakang bahasa Arab pelajar, iaitu lima (5) pandangan; kandungan kurang memenuhi HSP, iaitu empat (4) pandangan; kandungan perlu lebih kepada aplikasi semasa, iaitu tiga (3) pandangan; topik pembelajaran karangan terlalu sedikit, iaitu dua (2) pandangan; pengenalan dan pembelajaran perkataan baru perlu lebih tersusun dan jelas seperti contoh penggunaannya dalam ayat lengkap, iaitu dua (2) pandangan; beberapa topik pembelajaran tidak sesuai dengan pelajar, iaitu dua (2) pandangan; dan topik pembelajaran tidak jelas dan tidak lengkap masing-masing satu (1) pandangan.

Dalam bahagian bahasa dan kemahiran-kemahiran bahasa yang terdapat dalam buku teks BAT pula pengkaji memperoleh sebanyak 21 pandangan (14.38%) daripada responden, 20 daripadanya menyatakan aras bahasa yang digunakan dalam teks-teks

pembelajaran adalah terlalu tinggi berbanding keupayaan bahasa murid menyebabkan murid tidak mampu melaksanakan pembelajaran kendiri serta membantutkan motivasi murid untuk mendalaminya, manakala satu (1) pandangan menyatakan persembahan aras bahasa tidak mengikut urutan kesukaran (cth: m.s. 9-11 dalam buku teks).

Bahagian latihan dan aktiviti serta pengukuran juga antara aspek yang menjadi tumpuan pandangan responden. Sebanyak 16 pandangan (10.96%) telah diberi responden berkaitan aspek ini. Antara pandangan yang diberi adalah latihan yang disediakan terlalu sedikit (nahu dan balaghah), tidak sesuai serta tidak tersusun, tidak beraras, format tidak jelas, tidak ada panduan pelaksanaan latihan dan kurang mesra murid.

Manakala bahagian reka bentuk fizikal pula memperoleh lapan (8) pandangan (5.48%) daripada responden. Antara pandangan yang diberikan adalah ilustrasi perlu lebih menarik khususnya warna, latar belakang muka surat yang suram dan kulit muka yang kurang menarik.

Bahagian-bahagian yang lain juga mendapat pandangan daripada responden. Namun jumlah yang diberi adalah kurang dari 10 pandangan. Bahagian-bahagian tersebut adalah gambaran am, iaitu tujuh (7) pandangan (4.79%) dengan pandangan kandungan perlu lebih kepada aplikasi semasa, masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dan aras kandungan tidak sesuai dengan keupayaan bahasa murid. Motivasi murid pula dengan empat (4) pandangan (2.74%), mereka menyatakan daya tarikan membaca murid sederhana, murid kurang minat untuk mendalami isi pembelajaran dan prospek pembelajaran bahasa Arab tidak jelas. Selain itu dua (2) pandangan (3.45%) menyentuh aspek bahan bantu mengajar (BBM) dengan menyatakan ia tidak dibekalkan dan sangat terhad, dan satu (1) pandangan (0.68%) pula menyatakan

panduan menggunakan buku teks BAT Tingkatan Empat dalam P & P untuk guru tidak disediakan.

Dari pandangan-pandangan yang diberi didapati sebahagiannya mempunyai contoh serta bukti yang jelas sama ada melalui semakan ke atas buku teks dan HSP itu sendiri atau melalui dapatan kajian dalam kajian ini atau kajian lain, manakala sebahagiannya agak kabur serta kurang jelas bentuk serta aspek yang dimaksudkan.

4.3.3 Motivasi Murid

Data kajian berkaitan motivasi murid terhadap bahan bacaan bahasa Arab termasuk buku teks BAT Tingkatan Empat diperoleh daripada borang soal selidik yang diisi oleh sampel murid tingkatan empat di SMKA dari seluruh Semenanjung Malaysia. Pembentangan dilakukan berdasarkan peratus dan min. Aspek-aspek yang menjadi fokus dalam tinjauan motivasi murid ini ialah: (a) aspek bacaan intrinsik, (b) aspek bacaan ekstrinsik, dan (c) kepentingan membaca. Berikut adalah dapatan kajian berkaitan motivasi murid terhadap bahan bacaan bahasa Arab merangkumi buku teks BAT Tingkatan Empat berdasarkan persepsi murid mengikut aspek-aspek tersebut di atas.

4.3.3.1 Aspek Bacaan Intrinsik

Jadual 4.18 berikut membentangkan dapatan kajian berkaitan motivasi murid terhadap bahan bacaan bahasa Arab dari aspek bacaan intrinsik. Jadual tersebut menunjukkan taburan peratusan dan keputusan min bagi 15 item yang berkaitan dengan bacaan intrinsik. Dari dapatan ini menunjukkan empat item memperoleh nilai min persetujuan

yang tinggi (antara min=3.68 – min=5.00), iaitu antara 70% hingga 83.6% responden setuju ia berada pada tahap baik. Item-item tersebut adalah B1 bagi pernyataan dengan belajar membaca bahasa Arab, "saya harap akan mampu membaca buku-buku cerita bahasa Arab" memperoleh nilai min persetujuan dan taburan peratusan setuju dengan pernyataan item yang tertinggi, iaitu min=4.18 dan 83.6% berbanding yang lain dalam aspek bacaan intrinsik murid. Seterusnya B4, iaitu "saya berusaha supaya kemahiran saya dalam membaca teks bahasa Arab baik" dengan nilai min=4.15 dan taburan peratusan setuju sebanyak 82.6%. Kemudian B12, iaitu "saya cuba menumpukan penuh perhatian apabila membaca dalam bahasa Arab" dengan nilai min=3.85 dan taburan peratusan setuju 70%, dan B14, iaitu "saya suka kelas membaca bahasa Arab semasa berada di peringkat menengah rendah" dengan nilai min=3.95 dan taburan peratusan setuju sebanyak 73.3%.

Jadual 4.18

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Aspek Bacaan intrinsik Murid Tingkatan Empat Terhadap Bahan Bacaan Bahasa Arab

Bacaan intrinsik	5 Sangat Setuju	4 Setuju	3 Kurang Setuju	2 Tidak Setuju	1 Sangat Tidak Setuju	Min
B1 Dengan belajar membaca b.Arab, saya harap akan mampu membaca buku-buku cerita b.Arab.	38.3%	45.3%	13.6%	1.8%	1.0%	4.18
B2 Saya berasa asyik ketika membaca topik yang menarik walaupun ia ditulis dalam bahasa Arab.	5.8%	27.2%	45.8%	13.9%	7.3%	3.10
B3 Petikan b.Arab yang panjang dan susah membuat saya enggan membaca teks tersebut. (nilai persetujuan telah dikod semula)	3.8%	6.3%	15.9%	35.3%	38.8%	2.01
B4 Saya berusaha supaya kemahiran saya dalam membaca teks b.Arab baik.	36.5%	46.1%	14.1%	2.8%	0.5%	4.15
B5 Saya suka membaca buku-buku cerita dalam b.Arab.	2.5%	14.9%	48.1%	19.1%	15.4%	2.70
B6 Membaca bahasa Arab bukanlah kemahiran bahasa kegemaran saya untuk dipelajari. (nilai persetujuan telah dikod semula)	14.9%	20.9%	35.0%	17.0%	11.3%	3.10
B7 Saya suka membaca surat-surat khabar	2.5%	10.3%	39.0%	26.4%	21.7%	2.46

	dan majalah b.Arab.						
B8	Cabarhan membaca petikan b.Arab yang sukar menyeronokkan saya.	8.8%	18.1%	35.8%	18.9%	18.4%	2.80
B9	Saya berusaha mendapatkan apa-apa bahan bacaan b.Arab untuk bacaan bagi meningkatkan kemahiran membaca b.Arab saya.	7.1%	23.2%	42.1%	17.6%	10.1%	3.00
B10	Saya tidak ada keinginan untuk membaca dalam b.Arab walaupun kandungannya menarik. (nilai persetujuan telah dikod semula)	20.7%	22.9%	38.3%	13.1%	5.0%	3.41
B11	Saya tidak akan membaca secara sukarela melainkan ia merupakan kerja rumah atau tugas yang perlu dilakukan. (nilai persetujuan telah dikod semula)	11.8%	13.1%	32.5%	26.2%	16.4%	2.78
B12	Saya cuba menumpukan penuh perhatian apabila membaca dalam b.Arab.	23.7%	46.3%	23.2%	4.5%	2.3%	3.85
B13	Walaupun topik yang dibaca terdapat juga dalam bahasa lain (Melayu atau Inggeris) saya lebih suka membacanya dalam versi bahasa Arab.	2.3%	12.8%	47.9%	21.4%	15.6%	2.65
B14	Saya suka kelas membaca b.Arab semasa berada di peringkat menengah rendah.	36.0%	37.3%	16.1%	6.5%	4.0%	3.95
B15	Saya tetap akan membaca buku b.Arab walaupun saya sukar membaca dalam b.Arab.	14.4%	33.5%	35.5%	11.3%	5.3%	3.40

Terdapat sepuluh item dalam aspek ini yang memperoleh nilai min persetujuan pada tahap sederhana (antara min=2.34 – min=3.67), lima daripadanya memperoleh nilai min persetujuan pada tahap sederhana tinggi dan lima yang lain pada tahap sederhana rendah. Item-item yang mencapai tahap persetujuan sederhana tinggi adalah B2 (min=3.10), B6 (min=3.10), B9 (min=3.00), B10 (min=3.41), dan B15 (min=3.40). Manakala item-item mencapai tahap persetujuan sederhana rendah adalah B5 (min=2.70), B7 (min=2.46), B8 (min=2.80), B11 (min=2.78), dan B13 (min=2.65). Selain itu taburan peratusan tahap setuju bagi item kelompok ini adalah antara 12.8% hingga 47.9%, item B7, iaitu “saya suka membaca surat-surat khabar dan majalah bahasa Arab” adalah item terendah nilai min (min=2.46) dan taburan peratusan (12.8%) setuju dalam

kelompok ini, dan item B15, iaitu “saya tetap akan membaca buku bahasa Arab walaupun saya sukar membaca dalam bahasa Arab” adalah item yang mencapai nilai min (min=3.40) dan taburan persetujuan setuju tertinggi (47.9%) dalam kelompok ini. Jadual juga menunjukkan kesemua item kelompok ini memperoleh taburan peratusan kurang setuju dan tidak setuju melebihi 50% responden.

Selain itu terdapat satu item yang memperoleh nilai min persetujuan pada tahap rendah (antara min=1.00 – min=2.33) iaitu item B3 bagi pernyataan “petikan bahasa Arab yang panjang dan susah membuat saya enggan membaca teks tersebut” yang memperoleh nilai min=2.01 dan taburan peratusan setuju sebanyak 10.1%, taburan peratusan kurang setuju dengan tidak setuju adalah sebanyak 89.9%.

Dari dapatan tersebut di atas, didapati melalui 15 item dalam aspek bacaan intrinsik murid, sebahagian besar nilai min item menunjukkan kekuatan dalaman murid dalam mendorong murid untuk membaca teks berbahasa Arab adalah sederhana, iaitu antara min=2.46 hingga min=3.40, lebih 50% responden menyatakan kurang setuju dan tidak setuju dengan pernyataan yang diberi. Didapati juga item-item yang memperoleh nilai min sederhana rendah, iaitu antara min=2.46 hingga min=2.80 bagi item-item B5, B7, B8, B11 dan B13 menunjukkan tahap motivasi dalaman murid mempunyai kaitan dengan persepsi mereka terhadap bahan bacaan bahasa Arab. Malah terdapat satu item memperoleh nilai min pada tahap rendah, iaitu tahap motivasi dalaman yang lemah pada item B3 (petikan bahasa Arab yang panjang dan susah membuat saya enggan membaca teks). Hal ini bermakna motivasi dalaman murid untuk membaca teks-teks bahasa Arab tidak mempunyai kekuatan yang tinggi walaupun terdapat elemen keinginan yang tinggi untuk menguasai kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan mereka seperti yang ditunjukkan dalam item-item B1, B4, B12 dan B14.

4.3.3.2 Aspek Bacaan Ekstrinsik

Jadual 4.19 berikut pula adalah taburan peratusan dan keputusan min bagi aspek bacaan ekstrinsik murid berdasarkan persepsi murid-murid tingkatan empat di SMKA Semenanjung Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut didapati empat item memperoleh nilai min persetujuan pada tahap tinggi (antara min=3.68 – min=5.00). Item-item tersebut adalah B16 (min=4.35), iaitu “saya belajar membaca bahasa Arab kerana Islam menggalakkan penganutnya untuk belajar membaca bahasa Arab” dengan taburan peratusan setuju sebanyak 86.4% yang juga item yang memperoleh nilai min persetujuan dan taburan peratusan setuju tertinggi dalam aspek bacaan ekstrinsik murid. Item berikutnya adalah B17, iaitu “saya belajar membaca bahasa Arab kerana kebanyakan sumber utama Islam adalah berbahasa Arab” (min=4.19) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 81.7%; B22, iaitu “dengan belajar membaca bahasa Arab, saya harap dapat membaca surat-surat khabar dan majalah berbahasa Arab” (min=3.70) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 65.2%; dan B23 “dengan belajar membaca bahasa Arab, saya harap dapat belajar tentang pelbagai pendapat di dunia” (min=3.98) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 75.8%.

Jadual 4.19

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Aspek Bacaan Ekstrinsik Murid Tingkatan Empat Terhadap Bahan Bacaan Bahasa Arab

	Bacaan ekstrinsik	5	4	3	2	1	Min
		Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	
B16	Saya belajar membaca b. Arab kerana Islam menggalakkan penganutnya untuk belajar membaca bahasa Arab.	51.6%	34.8%	11.3%	1.5%	0.8%	4.35
B17	Saya belajar membaca b. Arab kerana kebanyakan sumber utama Islam adalah berbahasa Arab.	41.1%	40.6%	15.1%	2.8%	0.5%	4.19
B18	Saya belajar membaca b. Arab kerana	26.2%	31.7%	29.5%	8.3%	4.3%	3.67

	saya mungkin belajar di Negara Arab di masa akan datang.						
B19	Saya harap dengan kemampuan membaca b.Arab, saya dapat mengetahui secara mendalam gaya hidup dan budaya orang-orang Arab.	22.2%	33.5%	30.5%	9.3%	4.5%	3.59
B20	Walaupun sekiranya membaca b.Arab bukanlah subjek yang wajib dipelajari, saya tetap akan mengikuti kelas untuk membaca b.Arab.	23.9%	35.3%	28.2%	7.8%	4.8%	3.66
B21	Saya suka pada pekerjaan yang memerlukan saya menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari kelas membaca b.Arab.	11.6%	23.4%	43.3%	15.1%	6.5%	3.18
B22	Dengan belajar membaca b.Arab, saya harap dapat membaca surat-surat khabar dan majalah berbahasa Arab.	21.9%	43.3%	21.9%	8.6%	4.3%	3.70
B23	Dengan belajar membaca b.Arab, saya harap dapat belajar tentang pelbagai pendapat di dunia.	31.5%	44.3%	21.9%	8.6%	4.3%	3.98

Empat item yang lain pula berada pada tahap sederhana tinggi (antara min=3.00 – min=3.67). Item-item tem tersebut adalah B18, iaitu "saya belajar membaca bahasa Arab kerana saya mungkin belajar di Negara Arab di masa akan datang" (min=3.67) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 57.9% yang juga item tertinggi memperoleh nilai min dan taburan peratusan setuju dalam kelompok ini. Item yang lain pula adalah B19, iaitu "saya harap dengan kemampuan membaca bahasa Arab, saya dapat mengetahui secara mendalam gaya hidup dan budaya orang-orang Arab" (min=3.59) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 55.7%; B20, iaitu "walaupun sekiranya membaca b.Arab bukanlah subjek yang wajib dipelajari, saya tetap akan mengikuti kelas untuk membaca b.Arab" (min=3.66) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 59.2%; dan B21, iaitu "saya suka pada pekerjaan yang memerlukan saya menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari kelas membaca bahasa Arab" (min=3.18) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 35%, merupakan item yang

memperoleh nilai min dan taburan peratusan setuju terendah dalam aspek bacaan ekstrinsik murid.

Hasil analisis ini dapat dirumuskan bahawa kesemua elemen dorongan luaran murid untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab mempunyai peranan yang besar dalam mempengaruhi motivasi murid untuk membaca. Malah empat dari elemen tersebut mencapai tahap nilai min yang tinggi, iaitu item-item B16, B17, B22 dan B23. Item-item yang terlibat menunjukkan pengaruh yang tinggi melalui faktor Islam serta dorongan untuk mengetahui perkembangan dunia luar dalam memotivasi murid untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab, antara 65% hingga 86% responden setuju dengan pernyataan item-item berkaitan.

Manakala empat elemen lain pula mencapai tahap sederhana tinggi. Elemen kerjaya, tempat belajar, mengenali budaya masyarakat Arab dan subjek pembelajaran yang berkaitan dengan kemahiran bahasa Arab tidak mempunyai pengaruh yang cukup tinggi dalam mendorong murid membaca bahan bacaan bahasa Arab. Ini dapat dilihat sebagaimana item-item B18, B19, B20 dan B21 yang memperoleh min antara 3.18 hingga 3.67, tiga item iaitu B18, B19 dan B20 memperoleh persetujuan setuju responden sebanyak antara 56% hingga 59% dan satu item iaitu B21 berkaitan kerjaya yang berdasarkan pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab, memperoleh hanya 35% responden bagi persetujuan setuju.

4.3.3.2 Kepentingan Membaca

Dalam aspek kepentingan membaca bahan bacaan bahasa Arab berdasarkan persepsi murid, jadual 4.20 berikut dibentangkan taburan peratusan dan keputusan min aspek

tersebut. Berdasarkan jadual tersebut, ia menunjukkan kesemua item dalam aspek ini memperoleh tahap persetujuan yang tinggi (antara min=3.68 – min=5.00). Item yang memperoleh nilai min dan taburan peratusan setuju tertinggi dalam aspek ini adalah B24, iaitu “membaca bahasa Arab penting kerana saya boleh memahami lebih mendalam tentang prinsip dan pengajaran Islam” (min=4.37) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 88.9%. Manakala item yang memperoleh nilai min dan taburan peratusan setuju terendah pula adalah B25, iaitu “membaca b.Arab penting kerana kita perlu mengikuti arus pengantarabangsaan” (min=3.99) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 73%.

Jadual 4.20

Taburan Peratusan dan Keputusan Min Kepentingan Membaca Murid Tingkatan Empat Terhadap Bahan Bacaan Bahasa Arab

	Kepentingan Membaca	5	4	3	2	1	Min
		Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	
B24	Membaca b.Arab penting kerana saya boleh memahami lebih mendalam tentang prinsip dan pengajaran Islam.	52.4%	36.5%	8.3%	1.8%	1.0%	4.37
B25	Membaca b.Arab penting kerana kita perlu mengikuti arus pengantarabangsaan.	33.2%	39.8%	21.7%	3.5%	1.8%	3.99
B26	Membaca b.Arab penting kerana ia akan membantu proses pendidikan saya.	34.0%	45.3%	14.1%	4.0%	1.8%	4.10
B27	Membaca b.Arab penting kerana ia akan meluaskan pandangan saya.	35.0%	45.1%	14.1%	4.0%	1.8%	4.08
B28	Membaca b.Arab penting kerana ia akan membuatkan saya seorang yang lebih berpengetahuan.	43.1%	43.8%	10.3%	2.5%	0.3%	4.27
B29	Adalah merugikan masa apabila saya ingin menambah kemahiran membaca saya dalam b.Arab. (nilai persetujuan telah dikod semula)	49.4%	20.9%	23.9%	3.8%	2.0%	4.11

Item-item yang lain adalah B26, iaitu “membaca bahasa Arab penting kerana ia akan membantu proses pendidikan saya” (min=4.10) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 79.3%; B27, iaitu “membaca bahasa Arab penting kerana ia akan meluaskan

pandangan saya” ($\text{min}=4.08$) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 80.1%; B28, iaitu “membaca bahasa Arab penting kerana ia akan membuatkan saya seorang yang lebih berpengetahuan” ($\text{min}=4.27$) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 86.9%; dan B29, iaitu “adalah tidak merugikan masa apabila saya ingin menambah kemahiran membaca saya dalam bahasa Arab” ($\text{min}=4.11$) dengan taburan peratusan setuju sebanyak 74.3%.

Dapatan analisis ini dapat dirumuskan persepsi murid terhadap kepentingan membaca bahan bacaan bahasa Arab adalah tinggi dengan nilai min kesemua item melebihi $\text{min}=3.67$ dengan mendapat persetujuan setuju responden antara 73% hingga 88.9%. Elemen Islam adalah yang tertinggi ($\text{min}=4.37$) dengan 88.9% responden setuju dengan pernyataan “membaca bahasa Arab penting kerana saya boleh memahami lebih mendalam tentang prinsip dan pengajaran Islam”. Ini seiringan dengan dorongan luaran murid yang kuat dipengaruhi oleh faktor Islam. Secara keseluruhan bahagian ini menunjukkan persepsi murid tarhadap kepentingan membaca mempunyai pengaruh yang besar terhadap motivasi murid untuk membaca bahan bacaan bahasa Arab.

4.3.3.4 Keputusan Min Keseluruhan Motivasi Murid Tingkatan Empat Di SMKA Terhadap Membaca Bahan Bacaan Bahasa Arab

Bagi mengenal pasti tahap motivasi murid-murid tingkatan empat di SMKA terhadap bahan bacaan bahasa Arab merangkumi buku teks BAT. Berikut dibentangkan keputusan min dan sisihan piawai setiap aspek dalam motivasi serta seterusnya min keseluruhan bagi menentukan tahap motivasi tersebut. Jadual 4.21 menunjukkan aspek bacaan intrinsik murid memperoleh nilai min keseluruhan pada tahap sederhana, iaitu $\text{min}=3.17$ dengan nilai sisihan piawai=0.65. Manakala aspek bacaan ekstrinsik dan

kepentingan membaca memperoleh nilai min keseluruhan pada tahap tinggi dengan nilai min=3.79 dan min=4.15 dengan sisihan piawai=0.69 dan 0.66.

Min keseluruhan semua aspek yang menentukan tahap motivasi murid menunjukkan nilai min yang diperoleh adalah min=3.70 dengan sisihan piawai yang kecil iaitu 0.58. Nilai min ini memberi makna bahawa tahap motivasi murid tingkatan empat SMKA di Semenanjung Malaysia terhadap buku teks BAT adalah pada tahap tinggi.


Jadual 4.21

Keputusan Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Motivasi Murid Tingkatan Empat SMKA Terhadap Membaca Bahan Bacaan Bahasa Arab

Aspek-Aspek Motivasi Murid	Min	Sisihan Piawai
Bacaan intrinsik	3.17	0.65
Bacaan ekstrinsik	3.79	0.69
Kepentingan Membaca	4.15	0.66
Min Keseluruhan Motivasi Murid	3.70	0.58

Selain itu, rajah 4.13 berikut menunjukkan taburan min motivasi murid berdasarkan jantina dan pencapaian BAK murid dalam PMR 2006. Min motivasi murid lelaki dan perempuan yang cemerlang dalam BAK adalah hampir sama serta lebih tinggi berbanding yang berpencapaian sederhana dan lemah. Rajah juga menunjukkan murid lelaki berpencapaian sederhana mempunyai min motivasi yang hampir sama dengan min motivasi murid perempuan berpencapaian sederhana dan lemah. Manakala min motivasi murid lelaki berpencapaian lemah adalah yang terendah berbanding murid-murid lain. Justeru rajah ini menjelaskan tahap motivasi responden lelaki mempunyai perbezaan nilai min yang konsisten berdasarkan latar belakang pencapaian BAK dalam PMR, responden lelaki yang cemerlang dalam BAK memperoleh nilai min motivasi tertinggi, sederhana dalam BAK memperoleh nilai min motivasi kedua tertinggi dan lemah dalam BAK memperoleh nilai min motivasi terendah. Namun bagi

responden perempuan berbeza daripada responden lelaki dari aspek nilai min motivasi responden yang sederhana dengan yang lemah dalam BAK, memperoleh nilai min yang hampir sama.



Rajah 4.13. Carta Bar taburan min motivasi murid berdasarkan jantina dan pencapaian BAK dalam PMR

4.4 Tahap Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Bahagian ini dibentangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian keempat yang diperoleh daripada set ujian kloz bagi menggambarkan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Ujian ini telah dilaksanakan ke atas sampel murid tingkatan empat di SMKA Semenanjung Malaysia dengan menggunakan sampel teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat. Dapatan yang dilaporkan berdasarkan jumlah skor ujian bagi setiap teks yang diuji serta purata skor keseluruhan bagi menggambarkan kebolehbacaan teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan

Empat secara keseluruhan. Selain itu pembentangan juga melibatkan taburan kekerapan, peratusan skor berdasarkan jantina, teks yang diuji dan pencapaian BAK dalam PMR, serta min dan sisihan piawai skor ujian yang diperoleh.

4.4.1 Taburan Skor Ujian Berdasarkan Jantina dan Teks-Teks Ujian

Jadual 4.22 berikut adalah taburan purata skor ujian berdasarkan jantina dan teks-teks ujian. Jadual menunjukkan purata skor ujian yang diperoleh pada setiap teks yang diuji bagi kedua-dua jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara, skor yang diperoleh adalah antara 46% hingga 51%. Responden lelaki memperoleh skor bagi teks A sebanyak 51%, teks B sebanyak 48% dan teks C sebanyak 48%, manakala responden perempuan pula memperoleh skor bagi teks A sebanyak 50%, teks B sebanyak 46% dan teks C sebanyak 48%. Purata skor bagi setiap teks yang diuji daripada responden lelaki dan perempuan adalah agak seimbang, teks A memperoleh skor keseluruhan 50.5%, teks B memperoleh 47% dan teks C memperoleh 48%. Selain itu purata skor ujian dari semua teks yang diuji berdasarkan jantina responden juga menunjukkan skor yang hampir seimbang, skor keseluruhan murid lelaki memperoleh 49% dan perempuan 48%.


Jadual 4.22

Taburan Purata Skor Ujian Berdasarkan Jantina dan Teks-Teks Ujian

Jantina	Teks A	Teks B	Teks C	Purata Skor (Jantina)
Lelaki	51%	48%	48%	49%
Perempuan	50%	46%	48%	48%
Purata Skor (Teks)	50.5%	47%	48%	48.5%

Selain skor yang diperoleh agak seimbang, jadual serta carta Bar dalam Rajah 4.14 juga menunjukkan secara am responden lelaki lebih baik sedikit daripada

responden perempuan khususnya skor dalam teks A, teks B dan skor keseluruhan. Jadual dan rajah juga menunjukkan teks B memperoleh skor purata terendah bagi kedua-dua jantina. Manakala purata skor ujian keseluruhan yang melibatkan kedua-dua jantina dan semua teks yang diuji pula adalah 48.5%. Keadaan taburan ini jelas boleh dilihat melalui carta Bar taburan skor ujian kloz berdasarkan jantina dan teks sebagaimana dalam rajah 4.14 berikut. Secara am dapat dirumuskan faktor jantina responden tidak menunjukkan pengaruh yang jelas terhadap skor tahap kebolehbacaan teks-teks yang diuji malah skor yang diperoleh adalah hampir seimbang antara kedua-dua jantina.



Rajah 4.14. Carta Bar skor ujian kloz berdasarkan jantina dan teks

4.4.2 Taburan Skor Ujian Berdasarkan Jantina dan Pencapaian BAK dalam PMR 2006


Jadual 4.23 berikut menunjukkan purata pencapaian skor ujian antara jantina responden murid berdasarkan pencapaian BAK responden dalam PMR 2006. Purata skor yang diperoleh oleh kedua-dua jantina bagi semua tahap pencapaian BAK dalam PMR 2006 berada pada tahap yang hampir sama. Responden lelaki yang berpencapaian cemerlang BAK dalam PMR 2006 memperoleh skor 49%, berpencapaian sederhana memperoleh 52% dan berpencapaian lemah memperoleh 47%. Manakala responden perempuan yang berpencapaian cemerlang BAK dalam PMR 2006 pula memperoleh skor 47%, berpencapaian sederhana memperoleh 51% dan berpencapaian lemah memperoleh 46%. Hal ini menunjukkan responden lelaki memperoleh skor ujian lebih baik sedikit daripada responden perempuan pada semua tahap pencapaian BAK dalam PMR 2006. Ini dapat dilihat juga pada skor purata keseluruhan ujian bagi semua tahap pencapaian BAK responden lelaki dalam PMR 2006 dengan 49% berbanding responden perempuan sebanyak 48%. Manakala purata skor mengikut pencapaian BAK dalam PMR 2006 bagi kedua-dua jantina pula menunjukkan murid cemerlang (gred A) memperoleh purata skor sebanyak 48%, murid sederhana (gred B) memperoleh purata skor sebanyak 51.5%, dan murid lemah (gred C-E) memperoleh purata skor sebanyak 46.5%. Hal ini menunjukkan murid sederhana memperoleh purata skor ujian tertinggi, iaitu diikuti murid cemerlang dan seterusnya murid lemah.

Jadual 4.23

Taburan Purata Skor Berdasarkan Jantina dan Pencapaian BAK dalam PMR 2006

Jantina	A	B	C - E	Purata Skor (Jantina)
Lelaki	49	52	47	49
Perempuan	47	51	46	48
Purata Skor (PMR)	48	51.5	46.5	48.5

Namun, secara am dapat dilihat purata skor yang diperoleh antara jantina dan antara pencapaian BAK dalam PMR 2006 serta skor keseluruhan bagi kedua aspek tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Hal ini bermakna tahap pencapaian BAK murid dalam PMR 2006 bagi kedua-dua jantina tidak menunjukkan pengaruh yang jelas terhadap skor ujian kebolehbacaan teks-teks bacaan buku teks BAT Tingkatan Empat, skor yang diperoleh adalah agak seimbang. Bagi menjelaskan taburan skor ujian kloz berdasarkan jantina dan gred BAK dalam PMR, rajah 4.15 berikut adalah carta Bar untuk tujuan tersebut:



Rajah 4.15. Carta Bar taburan skor ujian kloz berdasarkan jantina dan gred BAK dalam PMR

4.4.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Skor Tahap Kebolehbacaan Berdasarkan Teks-Teks Ujian dan Skor Keseluruhan

Jadual 4.24 menunjukkan taburan kekerapan (*f*) dan peratusan (%) skor tahap kebolehbacaan berdasarkan teks-teks ujian dan skor keseluruhan. Berdasarkan teks-teks yang diuji didapati semua teks memperoleh skor kebolehbacaan pada tahap kecewa yang melibatkan lebih 90% responden. Jadual menunjukkan taburan peratusan responden yang memperoleh skor pada tahap kecewa mengikut teks adalah teks A sebanyak 94.71% (376 responden), teks B sebanyak 95.47% (379 responden), dan teks C sebanyak 95.97% (381 responden). Hal ini menunjukkan tahap kebolehbacaan semua teks berada pada tahap kecewa bagi majoriti responden. Keadaan ini dapat dilihat lebih jelas pada taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan tahap skor kebolehbacaan keseluruhan bagi semua teks yang diuji, tahap kebolehbacaan kecewa melibatkan 96.47% atau sebanyak 383 responden berbanding tahap kebolehbacaan pengajaran dan tahap kebolehbacaan bebas yang hanya mewakili 3.53% atau sebanyak 14 responden sahaja.

Jadual 4.24

Taburan Kekerapan dan Peratusan Skor Tahap Kebolehbacaan Berdasarkan Teks-Teks Ujian dan Skor Keseluruhan

Tahap Kebolehbacaan	Teks A		Teks B		Teks C		Skor keseluruhan	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Bebas	3	0.75	8	2.02	10	2.52	4	1.01
Pengajaran	18	4.35	10	2.52	6	1.51	10	2.52
Kecewa	376	94.71	379	95.47	381	95.97	383	96.47

Daripada analisis ini dapat dirumuskan bahawa majoriti murid memperoleh skor ujian kloz pada tahap kecewa, seterusnya menunjukkan buku teks BAT Tingkatan

Empat mencapai tahap kesukaran untuk dibaca pada aras kecawa bagi sebahagian besar responden kajian.

4.4.4 Min dan Sisihan Piawai Skor Tahap Kebolehbacaan Berdasarkan Teks dan Skor Keseluruhan

Jadual 4.25 membentangkan min skor tahap kebolehbacaan setiap teks yang diuji seterusnya min skor keseluruhan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Jadual menunjukkan min skor kebolehbacaan berdasarkan teks tidak menunjukkan perbezaan yang ketara di mana teks A memperoleh nilai min=50.50 iaitu 51% skor kebolehbacaan. Teks B pula memperoleh nilai min=46.75 dengan skor kebolehbacaan sebanyak 47%, dan teks C memperoleh nilai min=48.25 dengan skor kebolehbacaan sebanyak 48%. Berdasarkan nilai min dan skor kebolehbacaan, tahap kebolehbacaan semua teks yang diuji berada pada tahap yang kecawa. Hal ini bermakna teks-teks yang diuji mempunyai tahap kesukaran yang lebih tinggi daripada keupayaan murid untuk dibaca sama ada untuk tujuan pengajaran atau pembacaan bebas.

Jadual 4.25
Min dan Sisihan Piawai Skor Tahap Kebolehbacaan Berdasarkan Teks dan Skor Keseluruhan

	Min	Sisihan Piawai
Teks A	50.50	12.72
Teks B	46.75	14.65
Teks C	48.25	14.36
Skor keseluruhan	48.50	11.78

Manakala dari aspek tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat, min skor keseluruhan ujian yang diperoleh melalui sampel teks bacaan adalah min=48.50 dengan nilai sisihan piawai 11.78. Hal ini bermakna skor kebolehbacaan yang diperoleh adalah 49%, iaitu berada pada tahap kebolehbacaan kecawa. Berdasarkan keputusan ini

ia menunjukkan tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat khususnya melibatkan teks-teks bacaan berada pada tahap kesukaran yang mengatasi kemampuan membaca murid yang disasarkan, dan ia tidak sesuai untuk kegunaan murid sama ada untuk tujuan pengajaran atau pembacaan bebas murid.

4.5 Hubungan antara Motivasi Murid dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Jadual 4.28 berikut membentangkan pekali korelasi ujian hubungan pemboleh motivasi murid tingkatan empat di SMKA terhadap bahan bacaan bahasa Arab dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Keputusan analisis menunjukkan pekali korelasi berada antara $r=-.029$ hingga $r=-.073$. Hal ini bererti tahap korelasi setiap pemboleh ubah motivasi dan min keseluruhan min motivasi murid berada pada tahap lemah negatif, iaitu tahap hubungan yang lemah serta arah hubungan yang songsang. Selain itu pekali korelasi menunjukkan aras hubungan adalah tidak signifikan ($p>0.05$, antara $r=.144 - r.559$) pada semua pemboleh ubah. Analisis ini menunjukkan hubungan antara motivasi murid dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah lemah dan songsang serta tidak signifikan.

Jadual 4.26

Hubungan antara Motivasi Murid dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Pemboleh-Pemboleh Ubah	Korelasi	Sig
1 Nilai Bacaan intrinsik	-.073	0.144
2 Nilai Bacaan ekstrinsik	-.031	0.542
3 Kepentingan Membaca	-.029	0.559
4 Min Keseluruhan Motivasi Murid	-.051	0.309

* signifikan pada aras = 0.05

4.6 Hubungan antara Pencapaian Bahasa Murid (Berasaskan Pencapaian BAK dalam PMR 2006) dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Jadual 4.29 pula membentangkan pekali korelasi ujian hubungan pemboleh ubah pencapaian bahasa murid berdasarkan pencapaian BAK murid dalam PMR 2006 dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat. Keputusan analisis menunjukkan nilai pekali korelasi $r = -.019$ berada pada tahap lemah negatif iaitu tahap hubungan yang lemah serta arah hubungan yang songsang. Selain itu pekali korelasi menunjukkan aras hubungan adalah tidak signifikan ($p>0.05$), iaitu $r=.708$. Analisis ini menunjukkan hubungan antara pencapaian bahasa murid dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah lemah dan songsang serta tidak signifikan.

Jadual 4.27

Hubungan antara Pencapaian bahasa Murid (Berasaskan Pencapaian BAK dalam PMR 2006) dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Pemboleh Ubah	Korelasi	Sig
Pencapaian bahasa murid	-.019	0.708

* signifikan pada aras = 0.05

4.7 Hubungan antara Pengetahuan Sedia Ada Murid Berkaitan Topik Teks Bacaan dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Tinjauan kajian berdasarkan persepsi responden terhadap pengetahuan sedia ada mereka terhadap topik teks-teks bacaan dalam buku teks BAT Tingkatan Empat, mendapati min keseluruhan adalah 3.08, iaitu berada pada tahap sederhana. Berdasarkan analisis korelasi, Jadual 4.30 membentangkan pekali korelasi ujian hubungan pemboleh ubah pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan berdasarkan persepsi murid dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat.

Keputusan analisis menunjukkan nilai pekali korelasi $r=-.052$ berada pada tahap lemah positif, iaitu tahap hubungan yang lemah serta arah hubungan yang tidak songsang. Selain itu pekali korelasi juga menunjukkan aras hubungan adalah tidak signifikan ($p>0.05$) iaitu $r=.302$. Analisis ini menunjukkan hubungan antara pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan dengan skor kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat adalah lemah serta tidak signifikan.

Jadual 4.28

Hubungan Pengetahuan sedia ada Murid Berkaitan Topik Teks Bacaan dengan Kebolehbacaan Buku Teks BAT Tingkatan Empat

Pemboleh Ubah	Korelasi	Sig
Pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan	.052	0.302

* signifikan pada aras = 0.05